


# KĚMULIAAN BUDI PĚKĚRTI





# KĒMULIAAN BUDI PĒKĒRTI



Olleh:  
A. K. ZAIN  
SINGAPURA.

楊貴謹珍藏  
*Koleksi Yang Quee Yee*

DI-TERBITKAN  
OLEH  
PUSTAKA ANTARA  
KUALA LUMPUR



## SA-PATAH KATA DARI PENERBIT

---

*Alhamdulillah, buku Kemuliaan Budi Perti, dengan apa-apa rupa-nya pun telah di-terbitkan ka'-alam njud, berbetulan pada di-wasa bahasa Melayu telah di-rasmikan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menjadi bahasa Kebangsaan Malaya di-seluruh Semenanjung.*

*Shukur-lah la-hadzrat Allah yang Maha Murah lagi Mengasihani kepada hamba2-nya ia-itu dengan perkembangan Bahasa Melayu dan kemajuannya di-kalangan ras'ayat jilata itu, akan menjadikan bertambah biak lagi peminat2 bahasa tersebut dari sakalian penduduk Tanah Melayu. Maka dengan demikian itu, di-harap mudah2an kira-nya akan berghanda2 lagi banyak-nya pembacha2 akhbar, majalah2 dan buku2 karangan ahli2 pengarang dan bijak pandai di-dalam berbagai2 ilmu pengetahuan serta bermacam2 haluan.*

*Di-samping itu pula kami berharap sa-muga buku Kemuliaan Budi Perti ini akan mendapat sambutan baik dari sidang pembacha yang mulia. Amin.*

*Penerbit,*

PUSTAKA ANTARA,

KUALA LUMPUR.

*Singapura,*

*2hb. January, 1960.*



## PENDAHULUAN

---

Dengan inayat dan taufik Allah Taala dapat-lah saya mēntērmahkan buku ini yang di-namakan **KEMULIAAN BUDI PEKERTI**, hingga dapat di-tērbitkan ka-'alam pēmbacha dēngan mēngandung: bērbagai<sup>2</sup> riwayat indah sērtā mēngandung: choutōh tauladan dan i'tibar bagi siapa yang sudi mēnatap-nya.

Sa-sungguh-nya chita<sup>2</sup> ini sudah agak lama timbul dalam fikiran pēnulis, akan lētapi ada<sup>2</sup> saha<sup>2</sup>ja hal yang mēnghalang chiptoan-nya pada masa yang lalu, bahawa sēgala pērkara bēryantong dēngan masa-nya dan apabila mēnghēndaki Allah bērlaku-nya sa-suatu pērkara, di-mudahkan saha<sup>2</sup>ja sēbab<sup>2</sup>-nya. Oleh sēbab itu tiada mungkin bērlaku sa-suatu pērkara mēlainkan dēngan pēnyērtaan iradat itu.

Maka sēkarang Alhamdulillah dēngan bantuan Tuhan yang bērsifat rahman dapat-lah saya mēnghimpunkan hēbērapa riwayat yang bērsējarah. Di-pētek dari buku<sup>2</sup> tarakhir yang kēhilangan dan di-hidangkan kapada sidang pēmbacha yang mulia. Dēngan di-harapkan sēmuga akan mēnambah pēngētahuan dan mēluaskan lagi pēngalaman saudara orang<sup>2</sup> awam dan murid<sup>2</sup> sēkolah yang ingin hēndak mēngētahui akan sējarah pujangga<sup>2</sup> Islam dan sahabat<sup>2</sup> Nabi Alaihi afdalussalati was-salam. Mudah<sup>2</sup>an kira-nya ini akan mēnēpati maksud yang lērsēbut sērtā mēndapat sambutan baik dari pihak pēmbacha yang budiman Amin.



## ABU DZAR AL-GHIFARI DAN PERIBADINYA

Sa-bagai pendahuluan bagi pembaca rasa-nya elok lebih dahulu di-perkenalkan *Shakhsiah Abu Dzar Al-Ghifari* atau peribadinya yang istimewa.

Siapa-kah dia Abu Dzar Al-Ghifari?

Ya-lah "*Jundab bin Jaundah*" begitu-lah nama-nya yang betul, tetapi di-panggil orang Abu Dzar kerana sudah lebih terkenal dengan nama itu. Beliau berasal daripada suatu kabilah atau suku Arab dusun yang di-namakan Ghifar ia-itu sa-buah dusun atau desa yang terletak betul di-tengah2 perjalanan antara kota Madinah dan negara Sham "*Siria*" dari itu ia di-gelarkan Al-Ghifari.

Orang-nya bijak, petah dan fasih lagi Zuhud, berani, murah hati dan budiman. Beliau masuk Islam pada tahun pertama sa-telah Nabi Muhammad (s.a.w.) di-bangkit dan di-utus menjadi rasul. Oleh sebab itu maka Abu Dzar termasuk dalam bilangan salah sa-orang daripada pembesar2 sahabat Nabi yang ulung dalam Islam, ia-itu sa-belum bapa saudara Nabi Saiyidina Hamzah, Saiyidina Abbas, dan sa-belum Saiyidina Umar, Mu'awiyah dan Khalid bin Walid memeluk Islam.

### SEBAB KEISLAMANNYA

Sa-bagaimana telah di-ketahui tadi bahawa desa tempat Ghifari itu terletak di-tengah2 jalan antara kota Madinah



dan negara Sham. Maka kaum Kuraish penduduk kota Mēkah yang memang sa-lama2-nya bērlhubong dagang dēngan nēgara Sham tadi, apabila mēreka hēndak pērgi ka-nēgara tērsēbut kērana bērniaga, ta' dapat tiada mēsti mēreka itu mēlalui desa Ghifari itu dalam kētika mēreka pērgi dan balek. Sēbab tiada ada jalan lain yang lēbih dēkat dan mudah bagi pēngangkutan barang2 dagangan mēreka itu, mēlainkan dari situ sahaja.

Dēngan kēadaan itu desa tērsēbut dēngan sēndiri-nya tēlah mēnjadi tēmpat pērsinggahan pērdagangan2 dari dua buah nēgēri itu. Dēngan mēnēsabah itu Abu Dzar tēlah mēndēngar khabar daripada orang2 Kuraish yang sēlalu bērulang alek ka-situ, kērana pērnah mēreka itu mēmbisikkan kapada-nya, bahwa sa-orang laki2 bērnama Muhammad tēlah mēnchul di-kota Mēkah mēnda'awa diri-nya Nabi dan Rasul yang mēnērima wahyu dari langit.

Laki2 itu bērpēri2 mēnyēru dan mēngajak kami supaya mēnganut ugama baru yang di-bawa-nya dan mēnyuroh kami mēninggalkan ugama dato' nenek moyang kami turun tēmurun itu. Tētapi sēruan-nya itu tidak mēndapat sambutan, malahan pērtētangan hebat daripada kētua2 dan pēmbēsar2 kami khas-nya dan kaum Kuraish am-nya, mēlainkan bēhērapa orang sahaja yang sudah tērpēnfaroh oleh diayah-nya itu.

Rupa-nya pērkhabaran itu tēlah bērkēsan di-hati Abu Dzar dan tērsēmat di-dalam pēringatan-nya hingga ta' dapat di-lupa2kan lagi. Oleh kērana itu pada suatu hari ia tēlah mēmanggil sa-orang adek-nya yang bērnama "Anis bin Janadah" dan bērkata kapada-nya, "Ya Anis! Chuba-lah adinda tulong bērangkat ka-Mēkah, risek sērta sēlidek baik2 akan pērihal sa-orang laki2 bērnama Muhammad, yang tēlah bangkit di-Mēkah mēnda'awa diri-nya Nabi dan Rasul



yang menerima wahyu dari langit. Serta dengar pula kepada apa-kah ia menyeru kaum Kuraish di-sana, dan apa-kah benda yang di-ajarkan-nya kepada pengikut2-nya itu? Kemudian segera-lah balek ka-mari serta bawa-lah malumat yang penting untuk kami."

Sa-telah habis Abu Dzar berchakap, maka Anis yang sangat bakti dan setia kepada saudara-nya yang tua itu tidak lagi menunggu sampai besok, bahkan pada hari itu jua ia pulang ka-rumah-nya lalu bersiap bekal dan kenderaan untuk menempohi perjalanan yang hampir sa-bulan lama-nya itu. Terus ia berangkat menuju kota Mekah, hingga sampai di-kota tersebut dengan selamat. Kebetulan pula dengan mudah dan senang sahaja Anis dapat peluang menghadap Nabi (s.a.w.) dan mendengar sabda-nya serta beberapa ayat daripada al-Quran ul-Karim.

Sa-telah selesai tugas-nya, dia pun berangkat pulang menurut pesanan saudara-nya yang menunggu di-kampung dengan perasaan gelisah dan bimbang. Kerana saudara-nya, Anis masih muda remaja itu ta' pernah menempohi perjalanan yang begitu jauh dengan sa-orang diri-nya. Dan hal itu memang di-sadari oleh Anis, dari itu dengan gopoh-gapah ia pulang dengan membawa malumat yang pada sangkaan-nya sangat berharga untuk di-sampaikan kepada saudara-nya yang di-kasahi itu.

Sa tiba-nya sahaja Anis di-kampung, sa-belum singgah ka-rumah-nya lebeh dahulu ia pergi mendapatkan Abu Dzar dan mengkesahkan kapada-nya segala apa yang telah dilihat dan di-dengar-nya itu.

Kata-nya, "Dapat adinda bertemu dengan laki2 itu sendiri, dan sempat adinda mendengar ia menyeru kaum



Kuraish supaya mereka itu mengesakan Allah dan menegah daripada menyembah berhala. Tetapi kebanyakan orang2 di-situ tidak mengindahkan seruannya itu. Dan mengajar pengikut2-nya supaya mereka itu berpérangai dengan akhlak yang mulia. Sa-lain dari itu telah adinda mendengar beliau itu menghamborkan perkataan2 yang ta' dapat di-pungut atau di-kutip, kerana sa-sungguh-nya ta' pernah adinda dengar, sa-umpama-nya dalam sa-umur hidup-ku ini. Na' di-katakan shair bukan shair, pantun, seloka, bukan seloka, tetapi sungguh sangat menarek, kerana amat tinggi mutu bahasa-nya."

Kata-nya lagi, "Sungguh pun bagitu kaum Kuraish sama sa-kali tidak suka mendengarnya, malahan sa-balek-nya mereka sangat gusar dan paling benci kepada siapa juga yang suka mendengarnya, apa lagi berdamping dengan orang-nya. Walau pun orang itu daripada anak penak mereka sendiri." Demikian-lah bunyi malumat yang di-sampaikan oleh Anis kepada saudara-nya.

Sa-telah Abu Dzar mendengar laporan dari saudara-nya Anis itu sangat terharu hati-nya dan timbul keinginan hendak melihat dan mendengar sendiri. Lalu ia berkata, "Ya Anis! Kanda ucapkan banyak2 terima kasih atas usaha dan susah payah adinda menunaikan tugas itu. Chuma sayang sedikit adinda ta' dapat mengutip barang sa-potong dua daripada ayat2 yang sudah di-dengar oleh saudara. Oleh itu rasa-nya belum puas hati kanda dan untok memuaskan hati, lebih baik kanda pergi mendengar dan melihat dengan mata kepala sendiri."

Disa pun bangkit mengisi ayer ka-dalam kerbah dan menyediakan kenderaan serta bekalan, terus berangkat pada



hari itu juga menuju ka-Mekah. Dengan menaruh harapan semoga tercapai maksud-nya itu dengan mudah seperti adek-nya Anis itu.

Menakala tiba sahaja, terus ia menuju ka-masjid dengan maksud hendak menghadap Rasulullah (s.a.w.) di-situ. Sa-hari suntok Abu Dzar dudok di-masjid itu, tetapi bampa sahaja kerana tidak berhasil maksud-nya pada hari itu.

Dalam hal begitu, rupa-nya Sayidina Ali bin Abi Talib ada memerhatikan gaya dan tokoh Abu Dzar yang selaku orang musafir itu. Lalu di-hampiri oleh Sayidina Ali dan mempersilakan dia ka-rumah-nya, sa-bagai tetamu.

Maka di-ra'ikan dengan di-jamu dan menginap pada malam itu. Sungguh pun begitu, Sayidina Ali tidak bertanya kepada tamu-nya itu, dari mana dia datang dan kerana apa datang ka-mari. Sebab menurut adat orang<sup>2</sup> Arab di-sana pada dewasa itu, pantang sa-kali mereka bertanya kepada tetamu tentang dua perkara tadi, ia-itu dari mana datang dan kerana apa maka datang ka-mari, melainkan sa-lepas tiga hari. Mereka itu menganggap pertanyaan sa-tumpama itu ia-lah sa-bagai biadab dan *Fudul* "mengambil tahu hal orang." Oleh sebab itu maka sangat di-pantangkan kechnali tamu itu sendiri memberi tahu. Demikian-lah akhlak orang<sup>2</sup> Arab di-sana dewasa itu.

Pada ka-esokkan pagi-nya, Abu Dzar keluar dari rumah Sayidina Ali terus pergi ka-masjid dengan harapan kalau<sup>2</sup> dapat berjumpa dengan Rasulullah. Tetapi malang-nya sa-hingga waktu hampir senja tidak juga berjumpa. Maalum sahaja mungkin pada masa itu beliau tidak keluar dan mungkin kerana Abu Dzar ta' kenal orang-nya dan ta' mahu



pula bertanya kepada orang di situ. Karena ia telah tahu bahwa kaum Kuraish itu suka orang berkencal dengan beliau itu.

Sedang Abu Dzar duduk berfikir, Sayidina Ali pun datang mendapatkan dia seraya berkata, "Mengapa saudara belum pulang ke rumah? Apa sudah lupa rumah tempat saudara menginap semalam?" Lalu di-bawa-nya pulang ke rumah.

Pendek-nya begitu-lah hal Abu Dzar sa-tiap hari. Meskipun begitu, tidak putus asa dan tidak pula lemah azam-nya itu bahkan tetap yakin akan berhasil maksud-nya yang tunggal itu. Sa-lepas tiga hari lama-nya, terbuka-lah peluang bagi Sayidina Ali untuk bertanya kepada tetamu itu. Dan dengan tidak membuang masa lagi Sayidina Ali pun memajukan pertanyaan.

"Saya harap kira-nya saudara sudi memberi tahu kepada saya, dari mana-kah agak-nya saudara ini dan apa-kah hajat saudara maka datang ke-mari? Karena nampak-nya gaya saudara ini sa-olah2 ada sa-suatu hal besar atau suatu perkara yang amat mustahak sedang di-chari. Coba-lah cheritakan hal saudara kepada saya, barangkali dapat saya menolong bantu dengan tenaga atau lain-nya. Sa-kira-nya saudara berhajat kepada apa2 bantuan dan pertolongan daripada saya, harap jangan saudara menaruh bimbang atau churiga dari pihak saya. Karena bagaimana pun saudara ini sa-orang dif yang wajib di-tolong dan di-perlindungi."

Karena mendengar butir2 percakapan yang sa-bagai penawaran daripada Sayidina Ali itu, dengan sa-kéjap Abu Dzar



bérasa lapang hati dan léga fikiran-nya, hingga ternyata tanda2 kēsukaan pada cahaya muka yang tadi-nya muram.

Oleh kërana itu, maka Abu Dzar pun mëlafazkan kalimah kēshukoran dan tērima kasch yang tiada tērbingga lagi kepada Sayidina Ali yang tëlak mēnawarkan diri hēndak mēnolong-nya.

Sambong lagi kata-nya, "Sa-kira-nya tuan mēngaku sanggup akan mēnulong hingga tērchapai maksud yang mana saya yakin tidak akan jadi kēbératan atau pun kērugian atas tuan, kalau sunggoh2 tuan hēndak mēnolong saya," kata Abu Dzar.

Dēngan tidak tēragak2 lagi Sayidina Ali mēngaku sanggup akan mēnulong mēnghasilkan maksud bēliau itu dēngan sēgala daya upaya-nya.

Maka dēngan pēngakuan Sayidina Ali, Abu Dzar pun mēnchēritakan sēgala hal chwal-nya daripada mula hingga akhir. Sayidina Ali pun mēnjawab kata-nya, "Sēgala apa yang saudara sudah dēngar itu, ada-lah sēmua-nya bēnar bēlaka. Memang bētul bēliau itu Nabi dan Rasul yang mēnērima wahyu dari langit, dan siapa yang mēnēntang dan mēndustakan-nya, ada-lah orang itu ahmak, dēgil, kēras kēpala dan bongkak. Ada pun tēntang saudara ingin hēndak mēngadap-nya itu mudah sahaja, dan sanggup saya mēmpērtēmukan saudara dēngan-nya. Tētapi dēngan bēbērapa sharat! Sa-kira-nya saudara sanggup mēngikut sharat2 itu silakan, besok pagi saya akan bawa saudara mēnēmui bēliau itu di-rumah-nya.

"Tētapi pērtama, hēndak-lah saudara ikut di-bēlakang saya dari jauh. Supaya tidak kētara bahawa saudara bēr-



Jalan dengan saya. Dua, ka-mana sahaja saya pergi dan di-mana masuk, saudara ikut-lah masuk.

"Sa-benar-nya tujuan saya berbuat demikian itu, semata-mata kerana hendak mengelakkan diri daripada angkara Kufar Kuraisb yang busu dan ganas itu. Sebab mereka itu sangat marah kepada orang-orang yang berhubungan dengan beliau itu. Lebih-lagi apabila mereka dapat tahu bahawa orang itu dari luar negeri, harus orang itu di-pukul dan di-seksa oleh mereka itu," kata Sayidina Ali.

"Maka untuk keselamatan diri saudara daripada kejadian yang tidak di-ingini itu, terpaksa saya berbuat demikian. Tiga, sekiranya kita tersua dengan mereka itu, ketika di-dalam perjalanan, saya nanti akan berhenti sa-bentar para-hendak buang ayer, biar mereka itu lalu sampai jauh, baru kita teruskan perjalanan."

Abu Dzar pun sanggup melaksanakan syarat-orang itu. Dan pada pagi esok-nya mereka kedua-nya keluar berjalan dalam keadaan aman dan selamat hingga sampai ka-tempat yang di-tuju. Di-situ-lah Abu Dzar dapat mengadap Rasulullah (s.a.w.) dan mendengar sabda-nya yang mulia serta beberapa ayat daripada al-Quran ul-Karim itu, dalam suasana yang di-liputi oleh rahmat Allah azzawajal dan pada sa'at yang amat berbalagis itu, Abu Dzar di-kurniakan Allah subhana-hu wataala hidayat dan taufik dengan ni'mat iman dan Islam. Maka Islam-lah ia dengan mengucap dua kalimah shahadat itu di-hadapan Rasulullah (s.a.w.).

Sa-telah itu, Rasulullah berkata kepada-nya, "Ya Abu Dzar sekarang boleh pulang ka-kampung dan beritahu kepada kaum keluarga kamu di-sana. Tunggu-lah di-situ sampai dapat perintah daripada kami."



Jawab Abu Dzar "Ya Rasulullah! Demi Allah yang di-tangan-nya-lah nyawa hamba, sa-belum hamba pulang lebeh dulu hamba hēndak mēngishtibarkan Islam hamba di-hadapan Kufar Kuraish yang dēgil dan bērkēpala batu itu."

Maka kēluar-lah ia mēlaungkan kalimat "*Ashhadu an-laha ilallah, Waashadu'anna Muhammadan Rasulullah,*" dalam sa-panjang2 jalan dēngan sa-kuat2 hati dan sa-nyaring2 suara-nya, hingga ia masuk ka-dalam masjid sambil mēngulang2kan kalimah itu dēngan suara yang lantang.

Apalagi, dēngan sa-kējapan itu datang kaum Kuraish mēngērumuni dia dan mēmukul-nya tērok sa-hingga rēbah pengsan di-situ. Maka datang Abbas, bapa saudara Nabi (pada masa itu hēliau bēlum masuk Islam), sambil bērtēriak2 "Lēpaskan-lah! Lēpaskan-lah orang ini! Jangan pukul dia! Pērkataan itu di-ulang2kan-nya. Kata-nya lagi, tidak-lah kamu tahu bahawa laki2 ini daripada Kabilah Ghifari? Ia-itu tēmpat yang sēlalu kamu ulang alek ka-situ?"

Baru-lah mēreka itu mēlēpaskan dia, tētapi pada hari esok-nya Abu Dzar pērgi lagi ka-masjid dan mēngulangkan kalimah sahadat itu. Maka di-kērumuni orang2 Kuraish dan Abbas juga datang mēlēpaskan dia dari tangan mēreka itu. Oleh sēbah itu maka Abu Dzar al-Ghifari itu, di-akui salah sa-orang daripada pēmbēsar2 sahabat Nabi yang ulong dalam Islam dan kērana sudah tērbukti di-sini, bētapa tēgohnya iman dan kēyakinan hēliau itu kapada ugama Islam yang suci itu.

Bagitu juga tēntang kēbēranian hati, kēsuebian batin dan kētinggian jiwa-nya sa-bagaimana tēlah tērnyata dan akan lebeh tērnyata, sa-lain dari itu, ada-lah Abu Dzar ia-lah sa-orang bēnar, zuhud dan jujur, lagi murah hati, budiman,



mēnimbang rasa dan suka mēnolong orang<sup>2</sup> yang susah dan fakir miskin.

Pernah bēlian bērkata: "Tēlah bērpesan kepada aku oleh Rasulullah dēngan tujuh pēr-kara dan mēnyuroh aku amalkan dia dan insyaallah akan aku amalkan dia sa-hingga akhir hayat-ku:

- (1). Kasihkan orang<sup>2</sup> fakir dan bērdamping dēngan mēreka itu.
- (2) Sēlalu pandang orang<sup>2</sup> di-bawah daripada mē-mandang kepada orang<sup>2</sup> atasan.
- (3) Mēnghubungkan silatul rahim sa-kali pun mēreka mēnjauhkan diri-nya.
- (4). Jangan suka mēminta sa-suatu daripada orang<sup>2</sup>.
- (5) Jangan bērchakap mēlainkan apa yang bēnar walau pun pahit.
- (6) Jangan takutkan ehēsan orang<sup>2</sup> yang suka mēn-ehēsa pērbuatan yang kērana Allah.
- (7) Mēmpērbanyakan mēnguehap "*La haula wala kuzcata illa billahil aligil 'acim.*"

Kērana bahawasa-nya ada-lah itu ia-lah daripada pēr-bēndaharaan yang tērsimpan di-bawah arash. Dēmikian-lah bunyi-nya pēsanan Rasulullah (s.a.w.) kepada Abu Dzar.



## ABU DZAR AL-GHIFARI KESAYANGAN

### RASULULLAH

---

Tersebut dalam suatu hadith daripada Abi Darda' Radiallahu anhu, kata-nya: "Bahawa-sa-nya Rasulullah (s.a.w.) apabila masok dalam majlis, ada-lah orang yang tebel dahulu di-tëgor dan di-sapa oleh Rasulullah, ia-lah Abu Dzar Al-Ghifari, këmudian baharu sahabat2 yang lain. Dan apabila beliau itu tidak di-lihat-nya hadir dalam majlis itu di-chari-nya. Bagitu-lah këstimewaan Abu Dzar di-sisi Rasulullah (s.a.w.).

Sifat2 akhlak atau përangai Abu Dzar saperti yang sudah di-sëbutkan tadi itu, tëläh tërbukti sa-kali lagi pada dewasa Sayidina Umar bin Al-Khatab mënjadi khalifah di-Madinah. Ia-itu, dalam suatu pëistiwa yang amat hebat tëläh bërlaku pada masa itu, yang mana akan di-suntingkan dalam suatu riwayat di-bawah tajok "*Këtinggian budi dan lëwëmpurnaan janji.*"

Maka dëngan munasabah itu, sayugia-lah di-sëbutkan sërba sadikit daripada riwayat Sayidina Umar bin Al-Khatab dalam masa beliau mënjadi khalifah tëläh bërlaku bëbërapa pëistiwa dan këjadian2 yang ganjil lagi mënghairankan. Ia-itu, bërkënaan dëngan përkara2 yang mëngënai përtadbiran nëgara dan këmadjuan-nya. Khusus-nya përkara2 yang bërsangkut paut dëngan masharakat orang2 Islam pada zaman itu. Yang di-harap apa-lah kira-nya mënjadi ukoran, pë-



bandingan dan chërmin bagi pembacha yang budiman, atau sa-kurang2-nya mënambahkan pëngëtabuan.

Sa-bagaimana tërmaalum bahawa Sayidina Umar bin Al-Khatab itu in-lah sa-orang khalifah yang tërlihati zuhud lagi mashhor, sangat adil dalam hukum-nya, dan bijaksana, mënjalankan dasar pëmërintahan-nya mënurut undang2 al-Quran. Sëjarah-nya sudah tërlihati di-dalam tawarikh Islam dan lain-nya, di-tatap oleh sakalian bangsa di-dunia hingga hari ini. Ada pun tëntang zuhud-nya itu, tëlak jëlak tërbuti.

Pada suatu hari sa-orang putëra-nya bërak amat bëlak dan sëlak hati-nya kërana mëlhat ayahanda-nya itu, sa-orang khalifah Islam yang sëlalu di-kunjongi oleh raja2, pëmimpin2 dan orang2 bësak bangsa asing dari luar nëgëri datang mëngadap-nya. Maka ayahanda-nya itu hanya-lah mënupunyal sa-hëlak baju sahaja. Sa-lain dari satu lagi baju basahan hari2 yang mëlak di-badan-nya itu. Maka baju itu-lah yang di-pakai-nya apabila orang2 bësak datang mëngadap-nya dan baju itu-lah yang di-pakai-nya apabila bëlak bëndak përgi ka-mana2. Sa-sunggoh-nya hal itu tëlak mënjadikan putëra itu sangat pilu dan malu mëmandang përi këlak ayahanda-nya itu.

Maka timbul-lah hasrat di-dalam hati-nya lalu ia bërak bëndak bërak hërmat jimat dëngan mënëkat përut-nya, supaya dapat mëngumpul duit kërana bëndak mëmëli sa-hëlak baju untak ayahanda-nya buat bërak. Ia itu dëngan mënjual tiap hari sa-biji roti-nya daripada chatuan yang di-dapati-nya dari baitilmal, sa-banyak dua biji tiap2 hari, untak sara hidup-nya. Maka sa-biji di-makan, yang sa-biji lagi itu di-jual-nya.



Hingga sudah terkumpul duit itu, terus ia belikan sabelai baju dan di-sembahkan kepada ayahanda-nya. Sélaku terkéjut sërta hairan Sayidina Umar bértanya kepada putèra-nya itu, "Dari mana-kah engkau dapat duit beli baju ini?"

Jawab putèra-nya, "Hamba dapat beli baju ini dengan menjual sa-tiap hari sa-biji roti daripada chatuan hari2."

Dengan rupa sa-akan2 marah, baginda bërkata: "Kalau begitu rupa-nya sa-lama ini engkau dapat chatuan lèbeh dari yang patut! Sa-sungguh-nya ada-lah pèrbuatan engkau itu sangat tidak adil. Mulai dari hari ini tidak lagi di-bènar-kan engkau mêngambil lèbeh dari satu biji roti sa-hari. Kèrana sèkarang sudah nyata bahawa sa-biji roti boleh cukup untok sara hidup engkau hari2. Ada pun baju ini tidak-lah aku hajat kapada-nya, kèrana baju-ku yang ada ini masih baru dan kuat. Oleh itu, sèkarang juga pergi engkau pulangkan atau jual balik, dan wang-nya masokkan ka dalam baitilmal untok kèperluan raayat dan nègara."

Mènurut apa yang tèsèbut dalam tawarikh, bahawa bëlanja yang di-ambil-nya oleh baginda itu daripada baitilmal untok sara hidup-nya tidak lèbeh dari apa yang di-ambil oleh sahabat2-nya yang lain. Dan apabila kèputusan bëlanja, beliau meminjam dari baitilmal dan di-bayar balik. Hingga ia tëlak bërwasiat kapada putèra-nya! Sa-kira-nya ia mati dengan mèninggalkan hutang, jual-lah harta-nya yang ada dan bayarkan hutang itu.

Ada-lah ini sa-bagai gambaran kèhil daripada sifat pèribadi dan akhlak Sayidina Umar. Begitu juga dasar



kerajaan-nya yang adil saksama itu, apabila di-bandingkan dengan dasar kerajaan khalifah2 yang lain yang terkemudian daripadanya, akan terdapat perbedaan yang amat jauh antara-nya dengan yang lain.



## KÉTINGGIAN BUDI DAN KESEMPURNAAN JANJI

---

Sa-belum riwayat ini di-mulakan, patut juga di-suntingkan amalan atau perbuatan yang di-jadikan rasmi oleh Sayidina Umar bin Al-Khatab, dalam masa baginda menjadi khalifah di-Madinah Munawarah. Sa-tiap hari beliau duduk dalam majlis hukum kerana menerima apa2 pengaduan rakyat dan membicarakan antara mereka dengan adil mengikut hukum *shara'*.

Pada suatu hari — sedang baginda duduk di-dalam majlis hukum itu seperti biasa, di-hadapi oleh pembesar2, sahabat2 ahli fikir dan bijak pandai serta pegawai2 yang lain, tiba2 masuk dua orang laki2 muda menghadap-nya dengan membawa sa-orang laki2 yang masih muda juga ke-dalam majlis itu, dengan tergaris kedua2 belah tangan-nya. Tokoh laki2 itu kacak orang-nya, tegap badan-nya dan terjalin tanda2 kebijaksanaan pada ayer muka-nya.

Sa-sungguh-nya pemandangan yang agak luar biasa itu telah menarik perhatian orang2 yang sedang duduk di-kanan dan kiri baginda itu. Sa-jurus lama-nya mereka tunduk sambil memikirkan, apa-kah angkara yang telah di-lakukan oleh orang muda itu, hingga terbawa di-hadapan khalifah, dengan keadaan yang begitu rupa.

Sa-telah orang muda tadi memberi salam dan kehormatan yang sa-layak-nya kepada baginda, maka salah sa-orang dari



kedua-nya itu mendatangkan pengaduan-nya. Kata-nya, "Ya Amirul mu'minin! Ada-lah kami ini dua beradek daripada sa-ibu sa-bapa. Bapa kami itu sa-orang tua yang budiman dan dermawan. Di-kaschi, di-sayangi dan di-hormati oleh sekalian kaum keluarga-nya dan jiran2 sa-kampung dekat dan yang jauh. Ia telah membela pelihara dan mendidik kami dengan sa-baik2 didekan.

"Pada pagi ini ia telah keluar dari rumah seperti biasa di-buat-nya sa-tiap hari bersiar2 di-kebun buah2an tiada berapa jauh dari rumah-nya. Dalam masa belian bersiar2 di-sambilkan juga dengan memetik buah2 yang masak ranum di-pokok. Tiba2 datang orang yang kejam ini membunuh-nya, dengan tiada sa-suatu sebab yang mewajibkan dia melakukan perbuatan jenayah besar itu ka-atas orang tua kami yang tiada bersalah, bahkan ta' pernah bermusuhi dengan orang.

"Maka sekarang kami datang menghadukan hal ini kepada tuanku dan memohon limpah keadilan tuanku, supaya menjalankan hukuman kisas atas orang yang ganas, buas, dan zalim ini menurut undang2 al-Quran, kitab yang suci itu tidak lain.

Sa-telah baginda mendengar pengaduan pihak yang men-daawa, berpaling pula ia kepada laki2 yang terdaawa, yang sedang berdiri tegak di-hadapan-nya dengan tetap dan tenang, selaku orang tiada bersalah. Meskipun ia sudah mendengar tuduhan berat yang telah di-timpakan ka-atas-nya oleh dua orang muda tadi, maka laki2 itu di-tanya oleh baginda.



"Hai orang muda! Ada-kah bĕnar pĕngaduan dan tuduhan yang di-datangkan oleh orang2 ini atas ĕngkau?"

Jawab laki2 itu : "Harap di-ampu tuanku, ada-lah apa2 yang di-chakapkan oleh yang mĕndaawa itu, sĕmua-nya bĕnar bĕlaka.

"Sungguh pun bagitu, hamba harap sa-bagaimana tuanku sudah mĕndĕngar pĕngaduan mĕreka itu, dĕngar-lah pula hujjah atau kĕtĕrangan hamba sa-bĕlum tuanku mĕnjatohkan hukum. Sa-tĕlah itu tĕrsĕrah-lah kapada pĕrtimbangan tuanku.

"Bahawa sa-sungguh-nya hamba ini sa-orang musafir, daripada suatu kĕluarga Arab dusun. Sa-tĕlah hamba tinggalkan rumah tangga dan kampung halaman dĕngan tujuan bĕndak mĕngĕmbara dan mĕrantau ka-nĕgĕri2 orang sambil mĕlihat2 kota2 bĕsar di-tanah Arab, sapĕrti kota ini yang bĕlum pĕrnah hamba tĕmpoh mĕlainkan pada kali ini.

"Bĕrsĕrta hamba sa-kawan unta, di-antara-nya ada sa-ekor unta jantan yang sangat hamba kasĕhi akan dia, sa-bagai bapa kasĕhkan anak, kĕrana ada-lah ia dari kĕturunan baka baik. Lagi pun unta itu hebat rupa-nya dan ĕnantek bĕntok potongan badan-nya. Pendek-nya siapa mĕlihat ta' jĕmu mata mĕmandang-nya. Sa-pĕrkara lagi yang hamba boleh banggakan ia-itu, ta' pĕrnah ia kalah dalam pĕraduan2 lomba dĕngan sa-barang unta pada masa yang lalu. Sa-kira-nya orang bĕndak mĕmbĕli-nya dĕngan ĕmas sa-timbang bĕrat badan-nya, nĕschaya tidak-lah hamba mĕjual-nya.

"Tĕtapi malang-nya sa-tĕlah tiba di-luar kota ini, hamba ta' sĕdarkan bahawa unta tadi tĕlah mĕnyimpang daripada



jalan raya kerana terpandangkan suatu dahan pokok yang sedang terhulor keluar dari tembok pagar sa-buah kebun dan sempat ia meragut dahan itu. Menakala terlihat hal itu, chepat hamba pergi dengan berlari hendak menghalaukannya daripada situ.

"Tiba2 nampak sa-orang laki2 besar tinggi orang-nya dan tegap badan-nya sedang berdiri di-atas tembok itu sambil menyumpah menyëranah dan memaki2 dengan sa-kuat2 suara-nya. Dan terlihat pada dua belah tangan-nya sa-ketul batu besar, lalu di-hempapkan-nya ka-atas kepala unta yang hamba sayangi itu. Dengan serta merta unta itu rebah bergolek2 terus mati di-situ juga.

"Demi hamba terpandang kejadian yang amat dahshat, ngëri dan menyëdelhkan itu, dengan sa-këjapan gelap pëmandangan dan hilang akal fikiran. Terus hamba tundok memungut batu itu, dan hancurkan balek kapada orang tua itu dengan tidak bermaksud hendak membunoh-nya. Tetapi kerana memang ajal-nya sudah sampai, dan sebab kematian-nya itu, ia-lah dengan batu yang di-lempar oleh-nya. Dari itu tidak-lah menjadi haliran jika sa-saorang pembunoh dengan sa-suatu senjata, maka terbunoh pula ia dengan senjata-nya sendiri, kerana berbëtulan pula, batu yang hamba lempar itu betul2 kena pada kepala-nya, terus orang tua itu jatuh tersungkor dengan menjërit2 meminta pertolongan.

"Këtika itu hamba telah berasa takut, lalu chuba hendak melarikan diri dari situ. Tetapi sempat datang dua orang ini menangkap dan menyeret hamba hingga di-hadapkan kapada tuanku. Ini-lah dia këtëranan hamba dan tersërah-lah kapada përtimbangan dan këadilan tuanku."



Sa-telah habis laki2 itu membērikan kētēranan, Sayidina Umar bērkata: "Hai orang muda! Dēngan pēngakuan dan kētēranan ēngkau ini, tēlah thabit pada kami kēsalahan ēngkau itu. Maka dēngan dēmikian itu ta' dapat tidak, hukum kisas akan di-jalankan atas ēngkau mēnurut undang2 shara'. Ia-itu nyawa di-balas dēngan nyawa juga. Kēchuali pelak yang mēndaawa mahu mēmbuat pēnyelēsaian dēngan suatu cara yang lain." Boginda pun jatuhkan hukuman bunuh atas orang salah itu.

Sa-sudah-nya kēputusan itu, orang salah tadi bērkata "Harap di-ampun tuanku, bahawa sa-sungguh-nya hamba taat kapada kēputusan hukum tuanku yang mēngikut undang2 shariat yang suci itu. Akan tēlapi ada suatu pērkarā yang tērlalu amat mustahak, wajib hamba sēmbahkan kapada pēngētahuan tuanku! Sēbab sa-sungguh-nya pērkarā itu harus akan mēnyēntoh pēripadi tuanku kēlak, ia-itu, hamba ini ada sa-orang adek laki2 yang masēh kēchil, lagi yatim piatu, dan al-marhum ayah hamba itu sa-orang hartawan lagi bijaksana. Kērana itu, sa-bēlum ia mēninggal dunia sēgala harta-nya itu tēlah di-bahagi dua kapada hamba dua bēradek. Dan bahagian adek itu di-sērahkan kapada hamba untok di-simpan sampai budak itu baligh dan bērakal, baru-lah harta itu di-sērahkan kapada-nya. Dēmikian-lah wasiat orang tua hamba sa-bēlum wafat-nya.

"Maka sēkarang harta budak itu tēlah hamba tanam pada suatu tēmpat yang tiada siapa pun mēngētahui-nya mēlainkan hamba sahaja. Oleh sēbab itu jikalau tuanku mēnjalankan kuat kuasa hukum itu ka-atas hamba sēkarang juga, nēsehaya harta anak yatim itu tētap akan hilang



bagitu sahaja di-baham tanah. Maka perbuatan yang demikian itu akan menyebabkan kemelaratan dan penderitaan yang tiada terhingga ka-atas anak yatim itu selama hidup-nya.

"Dan apabila hal itu berlaku, harus tuanku akan terbabit dalam soal itu, dan akan menanggung jawab pada hari akhirat kelak, apabila anak yatim itu menuntut hak-nya pada hari mahshar di-hadapan tuhan yang maha adil itu. Kerana perkara itu tétékala masch di-dunia, sudah pun sampai kepada pengetahuan tuanku. Oleh sebab itu tiada ada jalan bagi melepaskan diri daripada tanggung jawab, melainkan hukuman yang telah di-jatuhkan ka-atas hamba itu di-tanggohkan dahulu sa-lama tiga hari.

"Di-dalam tempoh itu jika di-izinkan pergi ka-kampong untok menyerahkan budak itu serta harta-nya sa-kali kepada sa-orang yang boleh di-perechayai akan memelihara-nya sa-hingga besar, kemudian harta-nya itu di-serahkan balek kepada-nya. Apabila sudah selésai hamba akan balek ka-mari dalam tempoh térsébut untok menjalankan hukuman itu dengan sa-pénoh<sup>2</sup> taat sétia. Walau bagaimana pun mésti hamba sempurnakan janji, kerana sudah kétaahui serta yakin bahawasa-nya maut itu tiada sa-siapa pun dapat mengilakkan-nya maka apabila sampai ajal sa-saorang itu ta' dapat tidak mésti mati. Dan apabila sa-saorang berpégang dengan pendapat ini, tidak akan mengubah janji-nya.

"Dalam pada itu, hamba akan cuba ménéhari kalau<sup>2</sup> ada orang yang sanggup ménjamin hamba dalam tempoh tiga hari sahaja itu sa-baik<sup>2</sup>-nya," kata orang salah itu.

Dia pun perhatikan dan mengéchan muka tiap<sup>2</sup> sa-saorang dalam majlis itu. Lalu ia tunjok ka-arah Abu



Dzar Al-Ghifari seraya berkata, "Harus tuan ini sanggup menjamin hamba."

Maka beliau itu ditanya oleh Sayidina Umar, katanya, "Berani-kah saudara menjamin orang muda ini?"

Dengan tiada teragak2 lagi beliau menjawab, "Hamba sanggup menjamin orang salah ini dalam tempoh tiga hari."

Pelak yang mendaawa pun bersetuju dengan jaminan Abu Dzar itu, dan laki2 itu pun dilepaskan pergi.

Sa-tiba-nya sahaja di-kampung, adek-nya berserta harta-nya sa-kali di-serahkan kepada sa-orang bapa saudaranya. Begitu juga harta-nya sendiri dibahagi2kan kepada ahli warith-nya yang berhak menerima warith, dan sa-telah selesai pekerjaan-nya dia pun memberi selamat tinggal kepada sakalian kaum kerabat dan sahabat2 handainya, dan dengan bergopoh gapah laki2 itu pun bertolak dari situ untuk merebutkan masa sa-belum luput.

Ada pun Abu Dzar, seperti biasa sahaja, sa-tiap hari ia hadir dalam majlis hukum. Tetapi pada hari yang ketiga siang2 beliau telah menghadzirkan diri-nya di-situ. Dan menghabiskan sa-kali pehak mendaawa sampai. Sa-jurus kemudian, salah sa-orang daripada mereka bertanya selaku menyindir Abu Dzar, katanya, "Mana dia orang salah itu ta' nampak datang. Boleh-kah sa-saorang yang sudah berlepas dari hukum bunuh boleh di-harap balek menyerahkan diri-nya?" Sambong katanya, "Kami tidak akan berundur sa tapak pun dari sini, sa-belum hukum kisas itu dilaksanakan!"

"Apa yang kamu gaduhkan laki2 itu balek atau tidak balek. Kerana pertama, tempoh-nya belum habis, kedua, aku



yang menjamîn-nya sêdla bĕrada di-sini. Apabila tempoh itu habis dan laki2 itu tidak balek, memang aku bĕrsĕdia untok mĕnĕrima hukuman itu sa-bagai ganti-nya. Oleh sĕlah itu, tidak bĕrhak kamu mĕlĕpaskan kata2 sa-umpama itu dan sĕkarang juga mĕsti tarek balek chakapan kamu itu." Kata Abu Dzar,

Sampok Sayidina Umar dĕngan bĕrsumpah. Kata-nya, "Dĕmi Allah yang maha pĕrkasa. Apabila tempoh itu luput dan laki2 itu tidak hadzir, kami akan mĕlangsongkan hukuman itu atas orang yang mĕnjamîn-nya, dĕngan tidak pileh kasah lagi."

Dĕngan sa-kĕtika majlis itu tĕlah jadi kechob dan hingar bingar dĕngan suara orang ramai di-situ, dan dĕngan sĕrta mĕrta, sahabat2 mĕngadakan mĕshuarat tĕrgĕmpar. Kĕputusan-nya mĕreka sanggup bayar dĕnda dan sagu hati kapada ahli warith orang yang tĕrbunuh itu, biar pun bĕrapa banyak wang dan lain-nya yang akan di-pinta oleh mĕreka itu, asalkan Abu Dzar di-bebaskan.

Tĕtapi dukachita, pehak warith mĕnolak sama sa-kali tawaran itu dĕngan kata-nya, "Kami sa-kali2 tidak akan mĕnjual darah dan nyawa bapa kami dĕngan wang atau lain-nya biar pun bĕrapa banyak. Sa-lain dari mĕnuntut bela nyawa bapa kami dĕngan nyawa juga."

Kĕrana tawaran sahabat2 di-tolak oleh ahli warith itu, pĕrasaan hampa, sĕdeh dan pilu di-hati sahabat2 dan orang ramai, bahkan ada yang mĕnangis kĕrana sayang kan Abu Dzar Al-Ghifari itu.

Dalam kĕndean suasana yang bagitu kĕlam kabut, di-sĕlubongi oleh awan duka nĕstapa itu, tiba2 mĕreka tĕrlihat



nun jauh bayang2 orang sedang berjalan dengan berlari2 anak di-waktu hampir senja menuju ka-arrah mereka. Makin lama sa-makin dekat dan lebeh jelas, hingga dapat di-kenal bahawa orang itu ia-lah laki2 yang sedang ditunggu2 kedatangan-nya itu. Dengan seketika itu majlis yang berupa kelam-kabut dan duka-chita di-sebabkan oleh peristiwa itu telah bertukar jadi majlis sukaria dan gembira.

Ta' berapa lama dari itu, laki2 itu pun sampai dihadapan baginda. Dengan keadaan termengab2 dan peloh menilik2 dari dahi-nya kerana mengējarkan masa sa-belum luput. Sa-telah membēri salam kehormatan kapada baginda dan sakalian orang dalam majlis itu, ia memohon supaya di-benarkan dudok sa-bentar bagi menghilangkan lengoh-nya. Sa-jurus kemudian, dia pun bangkit berdiri dan berchakap, kata-nya, "Ya Amir ul-Mu'minin. Lebeh dahulu hamba menguchapkan sa-besar2 shukor ka-hadzrat Allah Subhanahu wataala yang telah memelihara dan menyelamatkan hamba daripada segala bahaya benchana dalam sa-panjang2 perjalanan pergi dan balek, yang mana itu tidak shak lagi bererti keselamatan nyawa orang yang menjamin hamba.

"Kemudian pula hamba ucapkan terima kasih yang tiada terhingga lagi kapada tuan yang budiman, dengan berani-nya telah sanggup menjamin hamba dengan menggadai jiwa raga-nya dalam perkara yang terlalu amat besar bahaya-nya itu. Pada hal beliau ta' kenal pun hamba ini siapa. Bahkan ta' pernah melihat hamba melainkan pada hari itu-lah pertama kali dan ini-lah kali yang kedua-nya dalam majlis ini jua.



"Bahawa sungguh-nya hamba terhutang budi kepada beliau, yang tiada akan dilupai selama hidup. Mudah-mudahan Allah jua akan membalas ibsan beliau ini dengan sebaik-baik balasan. Bagitu juga hamba mengucapkan shukor dan terima kasih kepada tuanku yang telah berihsan melepaskan hamba pergi mengurus dan menyelesaikan segala perkara yang bersangkutan dengan budak itu dan diri hamba.

"Ya-itu, pertama: Telah hamba serahkan budak itu serta harta-nya kepada sa-orang bapa saudara-nya, kedua: telah hamba bahagi hak hamba sendiri kepada ahli waris di-sana. Di-samping itu sempat hamba menemui kaum keluarga, sahabat handai dan memberi selamat tinggal kepada mereka itu. Pada hari itu, dengan gopoh gapah hamba bertolak dari sana ka-mari, untuk menyempurnakan janji itu. Kerana sungguh-nya hamba telah ketahui benar, bahawasanya barang siapa menyalahi janji tidak harus mendapat timbang rasa dari pihak yang berkuasa. Sementara barang siapa menyempurnakan janji-nya harus akan mendapat keampunan atau sekurang-kurangnya belas kasihan dari pihak yang berhak itu. Lagi pun supaya jangan sampai orang nanti berkata, bahawa sifat kesempurnaan janji itu telah hapus daripada diri manusia. Oleh sebab itu maka hamba segera balik menyerahkan diri."

Sa-lepas laki itu berchakap, Abu Dzar pula bangun berchakap kata-nya, "Ya Amir ul-Mu'minin, demi kebenaran dan kejujuran; bahawasanya segala apa yang di-katakan oleh orang muda ini, ada-lah benar sa-kali. Memang hamba ta' kenal dia siapa dan ta' pernah melihat muka-nya melainkan di-sini-lah. Akan tetapi kerana ia telah memilik hamba dari antara berapa banyak orang di-sini, oleh itu perasaan



kemanusiaan dan jiwa hamba telah enggan menghampakan hati-nya dengan menolak permintaan itu. Kedua, kerana sifat belas kasihan, timbang rasa dan ihsan itu, enggan pula meruntuhkan harapan-nya. Lebih2 lagi supaya jangan orang2 nanti berkata bahawa sifat budi pekerti baik dan ihsan itu telah hilang langsung daripada diri manusia, oleh sebab itu dengan tidak teragak2 lagi hamba telah sanggup menjamin dia."

Sa-sungguh-nya peristiwa itu telah menjadikan Sayidna Umar dan sakelian orang2 yang hadir dalam majlis itu ta'ajub dan hairan kepada laki2 itu yang begitu teguh imannya, tabah hati-nya dan setia kepada janji-nya. Begitu juga tatkala mendengar ucapan Abu Dzar yang penuh dengan semangat peri kemanusiaan dan akhlak-nya yang mulia tepuji itu, yang mana menunjukkan betapa tinggi budi pekertinya yang teristimewa itu.

Sa-telah itu bangun pula sa-orang lagi mewakili orang ramai dalam majlis itu, menyampaikan ucapan2 terima kasih yang tiada terhingga lagi, kepada orang muda itu dan kepada Abu Dzar. Kerana ketinggian mutu budi pekerti mereka, yang sayugia menjadi contoh tauladan, ukuran dan ikutan bagi orang lain. Dan menebuhkan berbagai2 pujian2 dan penghargaan besar atas pribadi dua tokoh yang luar biasa itu.

Demi di-lihat oleh pehak pendaawa akan peri kesetiaan orang muda itu terhadap janji-nya serta mendengar pula kata-nya yang padat dan tegas itu, begitu juga ucapan Abu Dzar yang bersemangat dan pujian2 orang ramai kepada mereka itu, telah menimbulkan perasaan sedar, ghirat dan



hasrat di-hati dua orang muda itu. Lalu dengan seréntak mereka kedua2 berkata.

"Ya Amír ul-Mu'minin; pada saat ini juga, kami terek balek danawan dan mēnggugorkan sēgala tuntutan atas laki2 yang mēmbunuh bapa kami itu, dēngan mēngakui apa yang tērsēbut itu di-hadapan tuanku dan di-pērsaksikan oleh sakēlian orang yang hadzir di-sini, bahawasanya kami maafkan dan mēnghalalkan darah bapa kami itu kapada laki2 ini dunia akhirat, sēmata2 kērana Allah taala. Dan supaya jangan orang2 pula nanti bērkata, bahwa sifat murah hati dan pērbuatan kēbajikan itu tēlah lēnyap daripada hati manusia."

Pēnghabisan sa-kali, Sayidina Umar bērkata: Sa-sunggoh-nya kami bērasa amat gumbira dan bangga kērana tērdapat dalam kērajaan kami, ada orang2 yang bērakhlek mulia sapērti ini. Maka kami harap muga2 Allah Subhanahu wa taala, mēmpērbanyakan lagi orang2 bērpērasnan dan bērjiwa sadēmikian itu. Kēmudian pula, baginda eluba bēndak mēmbēri sagn hati kapada dua orang muda yang ayah-nya tērbunuh itu. Tētapi mēreka ēnggan mēnērima pēmbērian itu, dēngan mēnēgaskan lagi, bahwa pērbuatan mēnarek balek sēgala tuntutan atas laki2 itu, sa-sunggoh-nya tēlah di-lakukan sēmata2 kērana Allah Taala. Maka bagaimana pula sa-saorang yang bagitu niat-nya mahu pula mēnērima sa-snatu pēmbērian lagi.

Ada-lah riwayat ini tērchatet di-dalam buku dewan Al-Gharaiib Wal-ajaiib.



## PENDIRIAN ABU DZAR AL-GHIFARI

---

Ada-lah Abu Dzar Al-Gifari itu ia-lah sa-orang yang berpendirian kuat dan tegoh atas satu dasar, sa-akan2 dasar yang di-namakan pada zaman sekarang "socialism". Dan lagi beliau itu selama-nya bersikap terus terang, menegur, membangkang dan menyering dasar2 kerajaan yang berat sebelah. Oleh sebab itu ia di-dapati selalu membangkang, membantah dan membidas dasar pemerintahan Muawiyah yang pada masa itu menjadi Governor di-kota Damshik "Siria" dan dasar kerajaan pusat di-Madinah.

Beliau terpaksa bertindak demikian, tatkala ia melihat harta hazanah Baitulmal yang di-himpun dengan banyak-nya dan di-perbelanjakan-nya sa-chara membadzir, untok kesenangan diri-nya dan sa-gelintir orang daripada kaum fiudal dan orang2 yang berdamping dengan mereka sahaja. Mene-kala kebanyakan daripada raayat jelata yang sengsara kehidupan-nya tidak di-perdulikan.

Beliau membantah dasar pemerintah terhadap harta yang bertimban2 dengan banyak-nya dalam hazanah Baitulmal itu, ta' mahu mengeluarkan sa-bahagian daripada-nya buat di-gunakan untok kemewahan rasyat dan negara, yang munder itu, dengan memberikan pinjaman kepada orang2 yang sangat2 perlukan modal untok buat perusahaan2 yang boleh menyelenggarakan kehidupan mereka itu. Beliau perchaya



dengan cara yang demikian itu akan terhapus kemelaratan-raayat yang menderita kepichikan hidup-nya itu.

Tetapi malang-nya kata beliau, pehak yang berkuasa hanya mengutamakan muslihat diri, kepentingan kaum feodal dan kaum kapitalisme sahaja. Oleh sebab itu Abu Dzar sentiasa mendesak dan menyerang mereka itu supaya mereka mengulorkan bantuan-nya kepada raayat yang sangat berhajatkan bantuan. Terutama sa-kali orang2 fakir miskin itu, harus di-perhatikan dan di-kasehani.

Pendek-nya begitu-lah sa-lama2-nya beliau menumpukan perjuangan-nya menentang dasar pemerintah yang tiada menimbang rasa terhadap raayat yang susah, dan begitu juga ta' kurang serangan-nya ka-atas kaum kapitalisme yang ta' pias2 menghimpun dan menyimpan wang emas dan perak dengan tidak pula mengeluarkan sa-bahagian daripadanya untuk di-perbelanjakan pada jalan yang di-redzai Allah. Beliau menambah kata, "Bahawasanya mereka itu akan menerima pakuhan siksa api nuraka yang akan membakar tubuh badan mereka sendiri, dengan emas dan perak yang telah mereka himpun di-dunia ini. Selanjut-nya beliau membawakan ayat "*Alladzina yak nizu nazdzahaba walfiddata.*" hingga khir-nya.

Demikian-lah ucapan2 beliau yang berapi2 itu, di-mana2 tempat dan bila2 masa pun. Sa-sungguh-nya hal itu telah mengharukan hati dan meruntun jiwa raayat, hingga sudah tertumpu perhatian mereka itu kepada Abu Dzar yang di-anggap-nya sa-bagai pahlawan yang membela nasib mereka yang terchecher itu.

Sa-sungguh-nya kejadian2 itu telah menimbulkan perasaan gélisah dan rusing di-hati dan fikiran Muawiyah



husus-nya dan kaum kapitalism umum-nya, di-sebabkan oleh tindakan Abu Dzar itu. Mereka juga telah beberapa kali mengadukan hal itu kepada Muawiyah yang memang sedang memikirkan hal itu dengan teliti dan perasaan bimbang. Kerana semangat perjuangan Abu Dzar yang sungguh2 ikhlas dan jujur itu sa-makin terbukti, sa-bagaimana tersebut di-bawah ini.

Muawiyah menggunakan siasah diplomasi-nya yang licin. Memang di-akui bahawa Muawiyah sa-orang ahli politik tinggi, lagi bijaksana. Hingga sudah termashhor ia dengan tipu daya muslihat-nya pada zaman itu. Sekarang ia chuba hendak memujuk hati Abu Dzar dan mempengerohi jiwa-nya dengan wang dinar. Agar supaya dapat mengubah dasar belian itu, dan melambutkan sikap-nya yang keras itu. Dan sekira-nya langkah itu tidak juga berjaya, sa-kurang2-nya dapat mengukor sa-jauh mana kejujoran Abu Dzar itu dan zuhud-nya pada dunia yang selalu di-jadikan simbol perjuangan-nya.

Lalu Muawiyah menghantar utusan kepada Abu Dzar pada waktu malam hari, dan di-serahkan kepada utusan itu wang emas sa-banyak sa-ribu dinar, supaya di-sampaikan ka-tangan Abu Dzar sendiri serta mengkhabarkan-kepada-nya, bahawa wang itu ia-lah hadiah daripada Muawiyah untok Abu Dzar, dan pada bila2 masa sahaja berkembhandakan wang kerana keputusan belanja, beritahu sahaja, akan di-kirimkan lagi. Demikian-lah pesanan Muawiyah menyuroh sampaikan kepada Abu Dzar.

Utusan itu pun pergi menemu Abu Dzar pada malam itu dan wang tersebut pun di-sampaikan kepada belian



mēnurut pērentah Muawiyah. Maka di-tērima oleh Abu Dzar sērta mēnyampaikan ucapan tērima kasch kepada Muawiyah yang budiman dan lagi dērmawan itu. Sa-tēlah orang itu pulang, sa-jurus kēmudian Abu Dzar pun kēluar dēngan mēmbawa wang itu, lalu di-bahagikan rata kepada orang2 fakir miskin, hingga tiada tērtinggal barang satu dinar pun di-tangan-nya.

Adapun utusan itu tērus pērgi mēngadap Muawiyah dan mēngkhabarkan kepada-nya bahawa wang hadiah itu sudah di-sērahkan ka-tangan Abu Dzar, sērta mēnyampaikan ucapan tērima kasch Abu Dzar kepada bēliou itu. Sa-sunggo-nya bērita itu tēlah mēnjadikan Muawiyah amat suka dan gumbira. Kērana pada sangkaan-nya tēlah bērjaya ia mēnawan hati Abu Dzar dan dapat mēmpēngaruhi jiwa-nya dēngan dinar. Tētapi sangkaan-nya itu tērbahas dan kēchewa dalam tipu daya muslihat-nya itu.

Sa-lēpas dua hari kēmudian, Muawiyah mēnyuroh lagi orang itu pērgi mēnēmi Abu Dzar! Dan di-suroh-nya minta daripada Abu Dzar supaya pulangkan balek wang yang tēlah di-bērikan kepada-nya pada malam itu. Dēngan alasan bahawa yang sa-bēnar-nya wang itu di-suroh oleh Muawiyah bērikan kepada orang lain, bukan kepada Abu Dzar. Tētapi dukschita kērana di-sini suatu kēsilapan tēlah bērlaku, di-sēbabkan oleh salah dēngar, oleh sēbab itu saya harap tulong tuan pulangkan balek wang tērsēbut, supaya lēkas saya sērahkan kepada orang yang ampunya itu. Kalau tidak harus suatu kējadian yang tidak di-ingini akan mēnimpa atas diri kita kēdua2-nya, kata utusan itu kepada Abu Dzar, sa-bagaimana yang di-ajarkan oleh Muawiyah itu kepada-nya.



Dēngan sēnyum dan tēnang Abu Dzar bērkata kapada orang itu, duka-chita saya kērana wang yang di-bērikan oleh saudara pada malam itu sudah habis saya bahagi2kan kapada orang2 yang lēbih mustahak kapada wang itu, daripada diri saya. Hingga tiada tinggal barang satu dinar pun di-tangan saya. Sēkarang saudara boleh pulang bēritahu Muawiyah hal itu, dan katakan kapada-nya bahawa saya minta tempoh tiga hari sa-mēntara mēncharikan ganti-nya.

Maka pulang-lah utusan itu dēngan tangan kosong mēngalap Muawiyah, dan mēlaporkan kapada-nya akan pērbuatan Abu Dzar dēngan wang itu sudah di-habiskan-nya pada malam itu juga, dēngan di-bahagi2kan kapada orang2 fakir miskin, mēnurut kata-nya. Dan sēkira-nya mahu juga wang itu di-pulangkan, ia minta tempoh tiga hari sa-mēntara bērikhtiar mēncharikan ganti-nya, dēmikian kata Abu Dzar.

Manakala tērdēngar oleh Muawiyah akan laporan itu, tērechengang dan tērmēnong sa-jurus ia mēmikirkan bētapa kēmurahan hati Abu Dzar dan zuhud-nya yang tērlalu itu. Di-sini Muawiyah tēlah mēngaku kalah dalam siasat-nya dan huntu fikiran-nya, hingga tiada dapat buat apa2 pun kapada Abu Dzar, kērana pēngaruh dasar-nya yang sudah mēnyērap masok ka-dalam hati sanubari dan sēbati dēngan jiwa kēbanyakan raayat jēlata dalam nēgēri ini. Dari itu Muawiyah tērpaksa mēnulis kapada Khalifah Othman bērkēnaan dēngan hal Abu Dzar itu, yang mana jika di-biarkan bērlanjutan nēsahaya akan mēnimbulkan huru-hara dan kachar-bilau dalam nēgēri, dan akibat-nya akan mēlumpuhkan dasar kērajaan tēmpatan, dan mungkin mēmbawa kapada kējatohan-nya sa-kali. Maka sa-baik2 ikhtiar untok kēsēlamatan kērajaan dan nēgara, elok-lah Abu Dzar itu, di-



pindahkan sahaja dari Siria ka-Madinah Al-Munawarah dengan sa-chepat mungkin, supaya nĕgara jadi aman dan lĕnang.

Dĕmikian-lah bunyi surat Muawiyah kapada Khalifah Othman, dan sa-tĕlah Sayidina Othman mĕnatap surat Muawiyah itu, baginda pun sĕgĕra mĕnulis kapada Abu Dzar mĕmanggil bĕliau itu datang ka-Madinah. Maka manakala bĕliau sampai di-Madinah, di-lihat-nya kĕadaan dan pĕratoran di-situ sama sahaja dengan kĕadaan nĕgĕri Sĕria. Apa lagi dia pun tĕrus bĕrtindak lĕbeh hebat lagi dari masa ia bĕrada di-nĕgĕri Sham itu.

Manakala Sayidina Othman mĕlihat hal yang akan mĕnchĕmaskan itu, dia pun sudah bĕrasa gĕlisah dan bimbang. Kĕrana kĕjadian<sup>2</sup> yang lĕbeh burok lagi dari Siria, tĕlah bĕrlaku pula di-Madinah. Oleh sĕbab itu baginda tidak mĕngambil tempoh lagi, sĕgĕra Abu Dzar di-buang pada suatu desa kĕcil yang tiada bĕpenduduk tĕtap, bĕrnama "*Arrabadzah*" ia-itu sa-buah desa yang sĕpi lagi tĕrpĕncil jauh dari kota Madinah itu, dengan sa-orang diri. Dan ini-lah hukuman buang nĕgĕri yang pĕrtama kali bĕrlaku dalam kĕrajaan Islam, tĕrhadap orang yang mĕmbela dasar demokrasi dan sosialis raayat.

Tiada bĕrapa lama bĕliau mĕringkok dalam buangan, dia pun jatuh gĕring dengan sa-orang diri dan wafat sa-orang diri, di-desa tĕrsĕbut pada tahun dua puluh, sa-lĕpas hijrah, mĕnurut suatu kaul. Sunggoh pun bĕliau mati sa-orang diri, tĕtapi mujor suatu rombongan mĕlintas lalu di-desa tĕrsĕbut. Maka rombongan itu-lah yang tĕlah mĕnguruskan jĕnazah-nya itu. Mudah<sup>2</sup>an kira-nya di-chuchor-



kan Allah subhanahu wataala akan rahmat-nya atas roh beliau itu, Amin.

Sa-sungguh-nya kejadian yang amat menyedehkan itu telah di-imbaskan oleh Rasulullah (s.a.w.) dalam suatu hadith yang maksud-nya demikian kata-nya, "Abu Dzar hidup sa-orang diri, dan akan mati sa-orang diri dan akan di-bangkitkan dia pada hari Mahshar kelak sa-orang diri." Ini juga menunjukkan betapa peri keistimewaan Abu Dzar Al-Ghifari bukan sahaja di-dunia, bahkan sampai ka-hari akhirat.

Kata sa-tengah ahli tawarikh: Ada-lah tindakan Sayidina Othman bin Afan itu terhadap Abu Dzar Al-Ghifari, telah menjadikan orang2 Islam di-kota Madinah dan negeri Siria pada dewasa itu sangat naik berang, sa-hingga memuchak kemarahan mereka itu kepada baginda. Itu-lah salah satu sebab daripada beberapa sebab2 yang lain telah menyebabkan beliau itu mati terbunuh, Wallahu a'lam.



## PÉREMPUAN YANG SÉTIA

---

Ada-lah ini suatu riwayat, mēnunjokkan bētapā sētia-nya sa-orang istēri kapada suami-nya yang tēlah jatuh susah sangsara dan mēlarat. Di-samping itu pula tēlah mēng-hadapi bēbērapa pancharoba dan dugaan, hingga pada suatu kētika ia di-pisahkan orang daripada suami-nya yang di-kaschi itu. Tētapi dēngan bērkat sabar dan kētahanan hati, pada akhir-nya dapat bērbalek sa-mula sa-tēlah suami itu mēndērīta bērbagai<sup>2</sup> anika siksa dan kēsēngsaraan yang amat dahshat lagi mēnyōdehkan hati pēmbacha. Patut di-kētahui, bahwa pada mula-nya kēadaan hidup dua suami istēri itu amat-lah sēnang, mewah dan maamor, sērta aman dan damai!

Kējadian itu bērlaku dalam masa Muawiyah mēnjadi Khalifah di-kota Damshik, Siria. Maka dēngan mēnasabah itu sayugia-lah di-sēbutkan sērba sadikit daripada riwayat Muawiyah dan sējarah-nya yang pēnoh dēngan pērobahan<sup>2</sup> baru dalam kērajaan Islam sērta bēbērapa kēmajuan dan kējayaan<sup>2</sup>, yang tēlah tērchapai dalam masa kērajaan-nya itu.

Ada-lah Muawiyah itu, bin Abi Sufian bin Harb bin Umayyah bin Abdi Shamsi bin Abdi Manaf. Kēturunannya di-gēlarkan Bari Umayyah. Datok nenek-nya daripada orang<sup>2</sup> yang tērkēmuka dan pēmimpin<sup>2</sup> kaum Kuraish pada zaman



jahiliyah. Sampai-lah kepada Abu Sufian ayahanda Muawiyah.

Beliau itu juga salah sa-orang dari pembesar2 Kuraish yang sangat berpengaruh di-Mekah dewasa itu, dan sa-belum menganut ugama Islam, ada-lah ia menjadi musuh ketat kepada orang2 yang telah memeluk ugama Islam. Tetapi pada tahun yang kedelapan sa-lepas hijrah, dan serta anak-andanya Muawiyah, di-kurniakan Allah hidayat kepada mereka, maka Islam-lah kedua2 beranak itu, dan berjuang balek di-bawah panji2 Islam.

Ada pun Muawiyah, sa-lain dari menjadi sahabat Nabi (s.a.w.) pernah juga ia di-jadikan sa-bagai juru tulis-nya dan penulis wahyu. Dalam masa Sayidina Umar bin Al-Khatab menjadi khalifah di-Madinah, Muawiyah di-lantek jadi Governor di-kota Damshek, hingga pada zaman Sayidina Othman bin Affan, beliau juga di-kekalkan dalam jawatannya itu sa-bagai Governor di-kota tersebut. Dan pada tahun 35 sa-lepas hijrah, telah berlaku suatu pemberontakan rakyat di-Madinah di-ketuai oleh sa-orang bernama Abdullah bin Sabak, melawan kerajaan, kerana ta' puas hati dengan dasar pemerintahan itu, yang mana dalam pemberontakan itu, Khalifah Othman bin Affan mati terbunuh.

Hendak-lah di-ketahui, ada-lah Abdullah bin Sabak ketua pemberontak itu ia-lah sa-orang yang bekerja keras untuk kaum Bani Hashim dan dia-lah sa-orang pend'ayah yang ehrgas dan rajin pergi ka-mana2 memberi penerangan2 yang menaikkan perasaan birang dan membangkitkan semangat pemberontakan itu, hingga telah berjaya menggulingkan kerajaan itu, dan membunuh khalifah-nya. Dari



situ-lah puncha timbul-nya huru-hara dan kachau-bilau di-Madinah. Hingga tēlah mēmbawa kapada pērpēchahan di-kalangan umat Islam, yang pada mula-nya sa-bagai satu puak sahaja, sampai bērpēchah dua. Ia-itu, satu puak pihak pēmbērontak yang tērdiri daripada gulongan kaum Bani Hashim dan sa-bahagian daripada kaum Anssar dan satu puak lagi, ia-itu pehak yang mēnuntut bela darah dan nyawa Sayidina Othman. Maka puak ini pula tērdiri daripada kaum Bani Umayyah dan lain2 puak yang bērsimpatī dēngan-nya, sapērti sa-tēngah daripada kaum Anssar dan orang2 Siria.

Sa-tēlah tumbang kērajaan Othman bin Affan, bērhimpun-lah puak pēmbērontak dan mēnubuhkan sa-buah kērajaan baru, ganti kērajaan lama itu. Dēngan mēlantek Sayidina Ali bin Abi Talib sa-bagai Khalifah. Pada mula-nya bēliau mēnolak pērlantekan itu, dan pada akhir-nya di-tērima-nya kērana di-paksa, akan tētapi kērajaan itu tidak di-i'tirafi oleh bēbērapa puak yang lain. Dalam hal bagitu, bērgērak pula kaum Bani Umayyah dēngan di-kētuai oleh Muawiyah dan Sayidatina Aishah binti Abu Bakar Siddik, yang mēnuntut bela dari Sayidina Othman itu. Mēreka minta Sayidina Ali supaya mēnyērahkan orang yang tēlah mēlakukan pēmbunohan itu, dan orang2 yang tērliat dalam pērbuatan jēnayah itu supaya di-bieharakan dan di-hukum. Tētapi Sayidina Ali ēnggan sama sa-kali mēnyērahkan orang2 yang di-pinta oleh pehak yang mēnuntut itu, dēngan alasan bahwa ia tiada knat kuasa mēnyērahkan orang itu pada saat yang sēdang bērgēlora mēlainkan sa-hingga kēadaan itu rēda dan tēnang. Kētika itu boleh di-jalankan pēnyissatan kata bēliau.

Itu-lah puncha pērbalahan yang tēlah mēngheret dan mērdorong kapada pēpērangan saudara yang pērtama2



kali berlaku dalam Islam. Ia-itu peperangan yang paling dahshat dan sengit telah menumpahkan darah dan mengorbankan sembilan puluh ribu jiwa melayang dari kedua2 belah pihak, di-medan peperangan sa-bagaimana terchatit dalam buku2 tawarikh, dan sesudahnya, suatu perdamaian sementara di-adakan antara kedua2 pihak.

Dalam masa itu pula, Sayidina Ali menghantar utusan kepada Muawiyah menyuruh dia mengi'tirafkan kerajaannya. Tetapi Muawiyah dan sakalian pengikut2-nya enggan sama sa-kali mengi'tirafkan kerajaan itu. Malahan sa-baleknya, ia telah menubuhkan sa-buah kerajaan lain di-bawah pimpinan-nya di-kota Damshik, kerana di-situ terdapat banyak penyokong-nya.

Maka dari sejak tarikh itu, kerajaan Islam yang pada mula-nya hanya satu, telah berpechah jadi dua hingga wafat Sayidina Ali. Kemudian pula di-ganti oleh putera-nya Hassan bin Ali, tetapi ta' berapa lama dia pun turun dari takhta kerajaan dan mengi'tiraf kerajaan Muawiyah dengan membuat beberapa syarat yang tertentu, dengan Muawiyah.

Sa-telah tetap Muawiyah menjadi khalifah yang tunggal dan berkuasa penuh atas segala pertadbiran raayat dan negara dengan apa chorak dan warna yang sesuai dengan kehendak dan kebijaksanaan-nya maka lebih dahulu ia telah membentok dasar kerajaan-nya, luar dan dalam, serta menyusun dan mengator hal chwal raayat dan negara, mengikut-ranchangan-nya. Di-antara-nya ia telah menjadikan takhta kerajaan sa-bagai pusaka yang di-warisi oleh anak chuchunya turun temurun. Tiada boleh berpindah ka-lain melainkan sa-telah putus zuriat-nya. Dan adat atau peratoran ini, ia-lah chiptaan-nya sendiri. Kemudian pula telah di-turuti oleh kerajaan lain, hingga hari ini.



Sa-lain dari itu, dia-lah yang mula2 mēniru kērajaan2 Rome dan Parsi dēngan mēmbuat istana2, bangunan2 bēsar dan tēmpat2 pēranginan yang modern, chukup dēngan sēgala alat kēlengkapan yang mēmakan bēlanja bēratus2 juta dinar, yang di-kēluarkan daripada wang hasil nēgara.

Dan dia-lah yang mula2 mēngadakan pulis mēngawal istana, sa-lain dari pulis pēngawal diri-nya. Bagitu juga ia tēlah mēmbuat dalam masjid Jame' di-kota Damshik itu, suatu tēmpat khas untok diri-nya dan pēngiring2 yang di-pērchayai-nya sahaja akan bērsēmbahyang di-situ. Itu pun pada waktu sēmbahyang nanti dua orang pēngawal akan bērdiri di-bēlakang-nya sa-hingga sēlēsai ia daripada sēmbahyang. Bēliau bērbuat dēnikian itu kērana tēlah mēngambil i'tibar daripada bēbērapa kējadian yang tēlah bērlaku atas tiga orang khalifah yang sudah mati dēngan sēbab tērbunoh.

Sa-lain daripada itu lagi, banyak pēkērjaan2 bēsar bērkēnaan dēngan pērtadbiran nēgara dan kēmadjuan-nya. Dēngan mēngadakan alat2 kēmudahan dan pērhubungan bagi rmayat dan lain2 pērkarā yang tiada boleh di-nafikan ada-nya itu. Di-antara-nya bēliau tēlah mēnubuhkan suatu bala tēntēra darat dan laut yang tērbēsar sa-kali, yang tērlateh dan tērator. Di-lēngkapkan dēngan alat2 sēnjata yang modern sa-chara zaman itu, hingga tēlah sampai bilangan angkatan laut-nya, sa-banyak sa-ribu tujuh ratus buah kapal pērang dan kapal2 pēndarat, dan sa-tēlah sēmpurna itu tērlēbch dahulu ia tēlah mēngērah suatu angkatan tēntēra darat mēnyērang nēgara2 Arab yang maseh bēlum tērtaalok kapada kērajaan-nya. Sapērti nēgara Iraq, Kufah, Bahrain dan Auman. Sa-hingga nēgara2 tērsēbut dan lain2 nēgara Arab, ka-sēmua-nya tundok di-bawah pērentah-nya.



Sa-telah sëlèsai dari situ, mēnyērang pula kērajaan Rome dēngan suatu angkatan laut dan darat, hingga dapat mēna'alok kota Constantinapol dan bēbērapa buah nēgara dan pulau2 di-laut Medeterenian, tērmasok pulau2 Cypres. Pērjuangan itu tērus mēnērus di-jalankan, sampai dapat mēna'alok kota Tripuli, Tunisia dan nēgara2 Barbar di-Afrika Utara. Kēmudian sa-kali bērpaling ka-India, Afghanistan dan Bolkhistan. Pendek-nya kēbanyakan pērjuangannya bērkēsudahan dēngan kējayaan.

Sa-telah sëlèsai dari pēkērjaan-nya itu, bēliu telah mēngumpul dan mēnghimpun sakēlian alim ulama dan ahli bijak pandai, dari sa-luroh ta'lok jajahan-nya mēnyuroh dan mēngērah mēreka itu mēngarang dan mēnērbitkan banyak buku yang bērsangkutan dēngan ugama dan ilmu pēngētahuan untok kēmajuan raayat dan nēgara, sērta mēmpērangiang dan mēnggalakkan mēreka itu supaya mēntērjēmahkan buku2 ilmu pēngētahuan kērajaan Yunan dan di-ajarkan kapada pēnuntut2, dēngan di-bērikan sa-pēnob2 bantuan wang dan lain-nya, hingga maju ilmu pēngētahuan itu pada dewasa itu.

Bagitu-lah juga, bēliu-lah yang mula2 mēmbēntok dewan parlemen dan mēngadakan jawatan mēmōgang rohor di-raja, dan dia-lah yang mula2 mēngadakan pējabat surat kiriman pada tiap2 kota dan desa untok kēmudahan pērhubungan. Dan mēngadakan pējabat2 chukai barang2 masok dan kēluar dan lain2 pēricara lagi yang ta' payah di-sēbutkan. Pendek-nya sēgala apa yang tērsēbut itu, sudah bērlaku dan mēsti di-akui.

Adapun tēntang kēbijaksanaan bēliu dan ilmu pēngētahuan sērta pēngalaman-nya yang luas, istimewa pula kēcbēkapan-nya dalam politik itu tidak mustahak di-sēbutkan



lagi. Kĕrana sudah tĕrmaalum kapada kĕbanyakan pĕmbacha. Dĕmikian-lah lĕbih kurang riwayat dan sĕjarah khalifah Muawiyah bin Abi Sufian dĕngan sa-chara ringkas.

Pada suatu hari dalam musim panas, baginda bĕrangkat ka-istana pĕranginan-nya yang tĕrlĕtak di-luar kota, pada suatu kawasan yang tinggi dan mĕngadap padang pasir sa-bagai laut luas-nya. Bĕrbĕtulan pula hari itu udara-nya tĕrlalu sangat tĕrik panas-nya dan padang pasir itu sapĕrti bara api hangat-nya. Pada kĕtika itu baginda kĕluar bĕrdiri di-anjong istana sambil mĕmandang ka-kanan dan ka-kiri. Tiba2 tĕrpandang dari jauh sa-orang laki2 sĕdang bĕrjalan dĕngan bĕrlari2 anak, sa-olah2 ada yang mĕmĕchut-nya dari bĕlakang.

Di-sĕbabkan oleh panas matahari dan bahang udara yang bĕrtiup sapĕrti api, tambah lagi pasir yang sapĕrti bara panas-nya itu sangat sĕdeh hati baginda mĕlihatkan laki2 itu pada saat jin dan mambang pun ta' bĕrsani mĕ-lĕpaskan anak-nya.

Maka bĕrkata baginda kapada orang2 di-sisi-nya. "Mungkin suatu hal bĕsar tĕlah mĕnimpa atas diri laki2 yang malang itu hingga tĕrpaksa bĕrbuat dĕmikian." Sambil bĕliau mĕmpĕrhatikan laki2 yang makin lama makin dĕkat mĕnuju ka-arrah istana, dan kĕrana bĕrasa amat bĕlas kasahan kapada orang itu bginda bĕrkata: "Sakira-nya laki2 itu datang mĕngadap kĕrana ada sa-suatu hajat yang hĕndak di-pinta-nya biar pun bĕrapa bĕsar-nya nĕschaya kami akan sĕmpurnakan hajat-nya itu. Atau sa-kira-nya datang hĕndak mĕngadu kĕrana tĕrzalim nĕschaya kami akan bela dia sa-hingga puas hati-nya."



Demikian janji baginda di-hadapan orang2 di-sisi-nya, dan dengan serta merta itu baginda bertitah kepada penguwal istana. "Apabila laki2 itu datang hendak menghadap kami, benarkan dia masuk!"

Ta' berapa lama lepas itu, laki2 tadi pun sampai di-hadapan baginda dengan keadaan-nya terhungap2 leteh dan lesu kerana di-sambar oleh panas matahari itu dan sa-belum sempat ia berchakap, baginda lebeh dahulu bertanya, "Dari mana saudara ini datang dan suku Arab mana?"

"Hamba datang dari Madinah dan daripada suku Bani Tamim," jawab laki2 itu.

"Apa hajat saudara datang pada saat yang begitu terik panas-nya?" Tanya lagi baginda.

Jawab laki2 itu dengan ayer mata yang berhamboran, dan suara yang berputus2 menandakan kesedehan, kata-nya:

"Ya Amirul ul-Mu'minin hamba ini datang mengadu serta memohon perlindungan di-bawah panji2 keadilan tuanku."

"Perlindungan daripada siapa?" Tanya baginda.

"Perlindungan daripada sa-orang musuh yang paling kejam dan tiada berpēri kemanusiaan. Musuh yang tidak mengenal sifat belas kasihan dan timbang rasa kepada orang yang teraniaya. Musuh yang tiada berdaya upaya hamba melawan-nya. Ia-itu pegawai tinggi tuanku, Marwan bin Al-Hakam."

Demi baginda terdengar nama Marwan bin Al-Hakam berani melakukan kekējaman terhadap rasyat, yang chintakan



këndilan. Oleh sebab itu baginda mēngulang2kan pērtanyaannya dēngan mēnyēbut nama Marwan bin Al-Hakam itu bērkali2 kērana hēndak mēngētahui dēngan jēlas, ada-kah itu pērbuatan Marwan sēndiri, atau mungkin itu pērbuatan pēgawai2 di-bawah tangan-nya. Tētapi laki2 itu tēlah mēnēgaskan dalam jawapan-nya, bahawa yang mēlakukan pērbuatan kējam itu ia-lah Marwan sēndiri, tidak lain.

Apalagi dēngan sa-kētika timbul kēmarahan dan tanda2 kēmurkaan pada ayer muka baginda itu ka-atas Marwan bin Al-Hakam. Sunggoh pun bēlian itu daripada kēturunan Bani Umayyah juga, dan suku sakat Muawiyah. Kēmudian pula bērkata baginda, "Chuba saudara kesahkan dari mula hal2 saudara, dan bagaimana chara kēkējaman Marwan yang di-katakan tiada bērpēri kēmanusiaan itu!"

Laki2 itupun mēnchēritakan hal-nya dari mula. Kata-nya. "Harap di-ampun tuanku bēribu2 ampun: Bahawasanya hamba ini ada mēmpunyai sa-orang istēri bērnama Su'ad amat sētiawan dan budiman lagi rupawan, sērta pula sa-fahaman dan sa-pēndapat dēngan hamba. Oleh itu, sa-lama hamba bēristērikan dia hidup dalam kēadaan aman, damai dan tēntēram. Maka itu-lah mēnjadikan hamba amat chinta, kasch dan sayang kapada-nya,

"Tambahan pula hamba di-kurniakan Tuhan sadikit harta bēnda daripada binatang2 tērnak. Sapērti unta2 dan lēmbu bērpuluh ekor banyak-nya. Begitu juga kambing bēratas2 ekor. Maka daripada hasil itu hamba hidup sēnang lenang, mewah dan maamor dalam rumah tangga yang sēntiasa tērbuka kapada kaum kēluarga, sababat2 handai dan tētamu2 lain, yang sudi mēlawat ka-pondok hamba itu. Akan tētapi



kĕrana memang sudah lazim, bahawa kĕadaan manusia dan masa itu tĕtap bĕrubah<sup>2</sup> dan kudrat iradat 'Tuhan ta' dapat tidak mĕsti bĕrlaku, dan tiada siapa pun dapat mĕngĕlakkan-nya.

"Pada tahun yang lalu, desa hamba tĕlah di-timpai oleh dua bala' bĕsar bĕturut<sup>2</sup>. Pĕrtama sa-kali di-lawati musim kĕmarau yang paling dahshat, tiada pĕrnah di-alami sa-umpamanya pada masa<sup>2</sup> yang lalu, tĕlah mĕmbinasakan sĕgala tanam<sup>2</sup>an dan tumbuh<sup>2</sup>an hingga tĕlah mĕnyĕbabkan bĕbĕrapa banyak manusia dan binatang<sup>2</sup> tĕrnak mati kĕbuloran. Kĕmudian pula sĕlang bĕbĕrapa bulan sa-lĕpas itu, di-sĕrang pula oleh pĕnyakit ta'on binatang, yang tĕlah mĕmusnahkan bĕbĕrapa banyak binatang<sup>2</sup> tĕrmasuk kĕpunyaan hamba. Sa-hingga tiada tĕrtinggal barang sa-ekor pun. Maka dua pĕistiwa itu tĕlah mĕnyĕbabkan hamba jatuh susah sangsara dalam kĕhidupan yang mĕmbawa kapada kĕpapaan dan mĕlarat.

"Sa-tĕlah kĕadaan hamba jadi sampai bagitu burok-nya kaum kĕrabat pun pandang hina dan bĕnehi. Bagitu juga sahabat<sup>2</sup> handai yang damping tĕlah mĕnjauhkan diri-nya. Sungguh pun bagitu, istĕri hamba tĕtap taat sĕtin dan sabar atas kada' dan Kadar Allah dĕngan hati yang tabah.

"Pada suatu hari sapĕrti biasa, hamba kĕluar dari rumah kĕrana pĕrgi mĕnĕhari nafkah dan pulang pada waktu pĕtang. Tiba<sup>2</sup> di-dapati istĕri hamba tiada di-rumah. Sungguh-nya kĕjadian itu tĕlah mĕngĕjutkan hamba, sĕbab ta' pĕrnah ia bĕrjalan ka-rumah ibu bapa-nya atau bĕrtandang ka-rumah jiran-nya mĕlainkan lĕbeh dahulu ia bĕritahu kapada hamba. Tĕtapi kali itu tidak. Mujor ia tĕlah mĕninggalkan pĕsan



kapada jiran yang paling dekat, mengatakan ayahanda-nya datang mengajak-nya ka-rumah buat tinggal barang sa-hari dua di-sana. Kemudian akan di-hantarkan-nya balek. Dan di-pesan lagi, suroh hamba pergi menemui dia di-rumah orang tua-nya itu.

"Maka kerana dengarkan pesanan istēri hamba itu, hamba pun pergi mēnunaikan pesanan-nya. Tetapi malang-nya manakala sampai di-pintu rumah orang tua-nya hamba tidak di-bēnsarkan masuk mēnēmui istēri hamba, malahan di-sambut dēngan maki hamun dan tēngking oleh orang tua-nya. Akhir-nya hamba di-halau daripada situ.

"Sungguh-nya kējadian itu sangat luar biasa, kerana tidak pernah bērlaku sa-umpama-nya dan tiada di-kētahui sebab musabab-nya itu tēlah mēnjadikan hamba amat-lah tērchēngang, tērkējut dan bingung mēmikirkan pērbuatan orang tua itu, yang tiada bērujong pangkal. Bagaimana pun hamba tidak mēlawan-nya, kerana mēmandang-nya sa-orang tua, lagi pun pērkara itu soal rumah tangga, jadi kurang manis jika di-pandang orang. Dari sebab itu tērus hamba pergi mēngadap Marwan bin Al-Hakam mēngadukan hal itu kapada-nya. Dēngan harapan samuga dapat ia mēgunakan jasa baik-nya, dēngan mēndamaikan pērkara itu sa-chara aman dan adil.

"Pada mula-nya kēlihatan bērsungguh<sup>2</sup> bēliau hēndak mēnulong hamba, kerana sa-tēlah mēndēngar pēngaduan hamba, sēgēra ia suroh panggil orang tua itu datang mēngadap-nya dan sa-tēlah hadzir, lalu orang tua itu di-soal dari hal kējadian pērkara itu dan mēchuba hēndak mēnyclēsai-kan-nya.



"Tetapi orang tua itu terus menafikan sama sa-kali kejadian seperti itu ada berlaku di-rumah-nya, lagi pun ia tidak kenal pun hamba ini siapa dan segala pengaduan hamba itu dusta belaka. Begitu-lah chara putar belit dan tipu daya orang tua itu, dalam keterangan-nya di-hadapan Marwan.

"Kemudian pula hamba di-soal oleh Marwan. Kata-nya bagaimana pikiran engkau sekarang? Karena orang tua ini telah menafikan sama sa-kali kejadian itu berlaku. Dan mendaawa tidak kenal pun engkau ini siapa. Maka ada-kah saksi bagi engkau? Jawab hamba ada, ia-itu Su'ad istri hamba anak orang tua itu. Maka Su'ad pun di-panggil sa-bagai saksi untuk memberi keterangan.

"Akan tetapi malang-nya, demi terlihat Marwan akan wajah Su'ad itu, tidak pun di-tanya dan tidak pula memberi peluang kepada Su'ad berchakap, bahkan di-masokkan-nya pada suatu tempat lain. Dan dengan sa-kejap itu Marwan berpaling tadah, menekan balek dan menudoh hamba sa-orang penjahat, pengkhianat dan pembobong, lalu hamba di-penjarakan. Tidak di-beri makan dan minum, lagi di-pukul, di-dera dan di-seksa sa-tengah mati dengan berbagai2 seksa sangsara. Dan memaksa hamba mencheraikan Su'ad yang di-chintai itu. Kalau tidak, hamba akan di-seksa terus sampai mati. Demikian-lah ugutan penjaga penjara itu.

"Akhir-nya kerana sudah ta' tahan lagi hamba menderit kesakitan paluan seksa yang amat pedeh itu, terpaksa-lah Su'ad hamba cheraikan. Itu pun hamba di-biarkan mrengkok dalam penjara sa-lama beberapa bulan, hingga



sa-lēpas Marwan kahwin dēngan Su'ad baru-lah hamba di-bebaskan.

“Tatkala hamba dēngar khabar itu, kētika itu ta' dapat mēngambarikan bētapa liha-nya dan hampa rasa hati hamba. Akan tētapi kapada siapa lagi hēndak mēngadu, mēlainkan kapada tuanku sahaja. Itu-lah sēbab-nya maka tērus hatoba datang mēngadukan sēgala apa yang tēlah bērlaku ka-atas diri hamba kapada tuanku dan ini-lah kesah hamba daripada awal hingga akhir. Sēkarang pērkarā ini hamba sērahkan kapada pērtimbangan dan limpah kēadilan tuanku.”

Sa-sudah Muawiyah mēndēngar kesah laki2 itu sampai habis, dēngan sērta mērta ia mēnulis sa-puehok surat yang bērupa kēmurkaan yang tidak tērhingga kapada Marwan. Bunyi-nya sapērti bērikut:

Kapada Marwan bin Al-Hakam pēgawai yang kējam.

Dēngan ini di-pēringatkan bahawa ēngkau tēlah bērsumpah dēngan mēngaku taat sētia kapada dasar kērajaan dan undang2-nya yang bērsēndikan kēadilan. Sērta bērikrar tidak akan mēngkhianati kērajaan dan raayat jēlata. Tiba2 sēkarang tēlah kami dapati, bahawa ēngkau tēlah mēlanggar undang2 nēgara dan masharakat, dēngan mēlakukan pērbuatan kējam yang tiada bērpēri kēmanusiaan ka-atas sa-orang hamba Allah yang tēlah ēngkau pēnjarakan dēngan tidak bērsalah. Kēmudian pula di-dēra di-sēksa dēngan bērbagai seksaan dan di-paksakan dia mēnehēraikan istēri-nya bērnama Su'ad yang mana pada akhir-nya pērēmpuan itu tēlah ēngkau buat istēri pula.



Sungguh-nya perbuatan engkau itu suatu jénayah besar yang ta' boleh di-ampunkan. Pendek kata sa-tiba-nya surat kami ini pèrèmpuan Su'ad itu mesti sègèra engkau chèraikan dèngan talak tiga dan pada hari itu juga engkau sèrahkan ka-tangan dua orang utusan kami yang mèm bawa surat ini, ia-itu Nasir bin Zaiban dan Al-Kamit untok di-bawa-nya pulang ka-Damshik.

Titah pèrentah ini wajib engkau taati! Kalau tidak, nèschaya hukuman yang paling bèrat akan di-jatohkan atas engkau!

Surat itu di-chap dèngan mohor di-raja dan di-sèrahkan kapada dua orang tèrsèbut. Mèrèka pun bèrangkat dèngan mèm bawa surat baginda itu.

Sa-tiba-nya sahaja, mèrèka masok mèngadap Marwan dan surat itu pun di-sampaikan ka-tangan-nya. Maka di-tatap-nya sambil mèleleh ayer mata di-atas pipi-nya. Boleh jadi kèsèdehan kèrana sayang mènchèraikan Su'ad yang sèdang di-kasehi itu dan boleh jadi kèrana tèlah bèrasa kèsal atas pèrbuatan yang salah sèrta akibat-nya yang burok itu. Kèrana harus pada mula-nya ia tidak tèrfikir bahawa pèrkara itu boleh mèlarat sampai kapada pèngètabuan Muawiyah.

Lèbeh<sup>2</sup> lagi tatkala mèndèngar utusan itu mènchèritakan kapada-nya butir<sup>2</sup> pèngaduan laki<sup>2</sup> itu dan pèristiwa yang amat mènycèdehkan hati. Sa-lèpas itu Marwan tundok tèrmènong sa-jurus. Kèmundian bangkit bèrdiri, tèrus masok ka-dalam mènèmul Su'ad dan mènysampaikan kapada-nya bèrita titah pèrentah khalifah yang wajib di-taati dan ta' dapat tidak mesti di-laksanakan dèngan sa-bèrapa sègèra.



Kalau tidak, suatu mala pětaka bėsar tětap akan ménimpa kita, kata-nya.

Sa-jurus kēmudian, Marwan pun kēluar lalu mēnggugorkan talak tiga kapada istēri-nya Su'ad itu di-hadapan dua orang utusan Muawiyah dan pada hari itu juga Su'ad di-sērahkan kapada dua orang tadi. Sa-tělaha sělēsai pēnyērahan itu mēreka pun bērangkat pulang dēngan mēmbawa Su'ad bērsērta sa-puchok surat rayuan daripada Marwan kapada Muawiyah bunyi-nya sapērti bērikut:

Mēngadap paduka yang mulia Amir ul-Mu'minin Muawiyah bin Abi Sufian.

Mudah-mudahan kira-nya di-lanjutkan Allah usia-nya: Harap di-ampun tuanku bēribu-ribu ampun. Dēngan ini hamba bērmohon sērta bērharap agar supaya kira-nya lēbeh dahulu tuanku mēnggunakan dua sifat yang tēlah mēnjadi pakaian basah tuanku hari2, bahkan tēlah sēbati dēngan daging darah pēribadi tuanku yang bijaksana. Ia-itu sifat sabar dan hilim.

Harap di-ampun tuanku: mahasuchi Allah Taala baha-wa sa-sunggoh-nya hamba sa-kali2 tidak mēlakukan pērbuatan zinah hanya sanya kērana hamba sa-orang manusia yang lēmah tēlah tērtipu dan tērpēdaya oleh hawa nafsu kēhaiwanan, lalu tērgēlinchir jatuh ka-dalam lēmbah kēhinaan, di-sēbabkan oleh godaan pērēmpuan yang chantek. Bukan sahaja chantek rupa, bahkan chantek tingkah laku, budi pēkērti dan sopan santun sērta bijaksana. Maka itu-lah yang tēlah mēndorong hamba mēlakukan pērbuatan yang mēlampau batas pēri kēmanusiaan. Yang mana itu hamba akui.



Sungguh pun begitu hamba sēntiasa tiada putus asa daripada limpah ka-ampuan tuanku, yang bērsifat pēngampun. Maka sēkarang hamba mēmohon bēribu2 ampun dan maaf atas sēgala kēsalahan2 hamba yang tēlah tērlangsong itu sērta harap di-uzorkan. Kērana dēmi sa-sunggol-nya siapa sahaja mēlihat pērēmpuan itu ta' dapat tidak akan tērgonchang hati dan sēmangat-nya. Kētika itu harus akan mēnguzorkan hamba.

Dēmikian-lah bunyi surat Marwan kapada Muawiyah,

Dēmi sampai sahaja di-hadapan pintu istana, mēreka bērsērta Su'ad masok mēngadap baginda dan mēlaporkan sēgala apa yang sudah bērlaku. Sa-tēlah itu, surat Marwan pun di-sēmbahkan kapada-nya. Maka di-bacha-nya oleh baginda sambil tērsēnyum, kērana di-dapati sēgala apa yang tērsēbut dalam surat itu bērkēnaan dēngan sifat2 Su'ad itu bēnar bēlaka. Kēmudian baginda bērtitah suroh lētakkan Su'ad pada suatu tēmpat khas yang tēristimewa sērta di-bērikan layanan yang sampurna kapada-nya, supaya mēngambil rahat dan mēlapangkan hati dan fikiran-nya.

Sēkarang Muawiyah pula mēnchuba hēndak mēnguji hati laki2 itu, sa-jauh mana kaseh sayang-nya kapada Su'ad bēkas istēri-nya itu dan hēndak mēnduga dan mēngukor sampai mana taat sētia-nya Su'ad kapada laki2 bēkas suami-nya itu.

Kērana itu ia tēlah mēngēluarkan pērentah charikan tiga anak gadis dari kota Damshik yang paling chantek. Tiap2 satu bērunor antara lima bēlas sampai dēlapan bēlas tahun, janigan lēbeh. Dan hiaskan mēreka itu dēngan sa-indah2 pakaian.



Sa-tělah siap kětiga2 gadis itu, lalu di-hadzirkan di-hadapan baginda. Kěmudian pula laki2 itu di-panggil masuk měngadap-nya. Lalu baginda bėrkata kapada laki2 itu.

"Sěkarang saudara hěndak-lah kětahui, bahawa dari sějak kami lihat kěadaan saudara yang sangat měnyědehkan hati, kětika dalam pěrjalanan měnuju ka-mari pada saat yang pěnoh bahaya itu, dan sa-bělum měnděngar pěngaduan saudara pada hari itu, měmang sudah bėrazam kami hěndak měnulong dan měmbela saudara, sa-hingga puas hati.

"Dan sěkarang ini ada tiga gadis muda yang rupawan, sědang bėrdiri di-hadapan saudara. Tiap2 satu-nya měmpunyai sa-buah rumah sěndiri yang chomel, chukup lěngkap, děngan sěgala pěrkakas-nya yang indah, dan hamba2 sahya-nya. Sa-lain dari itu lagi tělah di-tětapkan sara hidup bagi tiap satu-nya, sa-banyak tiga ribu dirham sa-bulan. Maka sěkarang kětiga2 gadis ini, hěrsěrta děngan sěgala apa yang těrsěbut tadi sěmua-nya akan di-bėrikan kapada saudara, sa-bagai ganti batang tuboh Su'ad bėkas istěri saudara itu, bagaimana fikiran saudara? Suka dan puas hati atau tidak?"

Kata yang ampunya riwayat; bahawa sa-sungguh-nya tawaran sagu hati yang sangat tinggi nilai-nya daripada Muawiyah kapada laki2 itu, sa-bagai měnggantikan batang tuboh Su'ad itu, bukan-nya měndapat sambutan baik dan pěnghargaan bėsar atau kěgěmbiraan di-hati laki2 itu, tapi di-sambut-nya sa-bagai satu paluan hebat dan malapětaka bėsar atas diri-nya. Hingga tělah měmbawa ia jatoh pěngsan sěrta měnarek nafas panjang. Hal itu tělah měměranjatkan Muawiyah dan orang2 dalam majlis itu. Kěrana



tělah měnyangka laki2 itu sudah mati. Dan sa-tělah siuman di-tanya oleh Muawiyah.

"Kěnapa saudara sampai jadi bagitu?"

Jawab laki2 itu, "Harap di-ampun tuanku: hamba datang ka-mari kěrana hěndak měmohon pěrindungan, kěadilan dan pěmbelaan tuanku daripada sa-orang musuh yang zalim dan tiada běrperi kěmanusiaan. Tiba2 sěkarang nampak-nya tuanku pula měnchuba mėlakukan pěrbuatan sa-akan2 itu! Hamba harap jangan-lah kira-nya tuanku jadi laksana pěpatah, ia-itu harapkan sokong, sokong měmbawa rěbah. Atau děngan pěrkataan lain ia-itu, těrlepas dari mulut buaya, masok ka-mulut harimau.

"Sa-kira-nya tuanku hěndak jadi musuh yang kědua, maka kapada siapa lagi hamba hěndak měmohon pěmbelaan dan kěadilan. Tětapi hamba kětahui bahawa tuanku sa-orang khalifah yang bijaksana, budiman dan murah hati. Oleh sěbab itu hamba muhon sa-kali lagi děngan nama kěadilan yang měnjadi lambang pěri kěmanusiaan, pulangkan sahaja Su'ad kapada hamba. Děngan itu hamba akan těrhutang budi kapada tuanku, sa-lama hidup. Sěrta měnguehapkan sa-běsar2 shukor dan těrima kasih yang tiada těrhingga lagi. Kěrana děmi sa-sunggoh-nya, jangankan tawaran tuanku sa-banyak tadi, bahkan sa-kira-nya takhta kěrajaan tuanku sa-kali pun di-sěrahkan kapada hamba sa-bagai ganti batang tuboh Su'ad yang di-chintai itu něschaya hamba akan měnolak-nya. Kěrana tidak sa-imbang děngan Su'ad kěkaseh yang tunggal itu."

Sa-sunggoh-nya sěgala pěrchakapan laki2 itu di-děngar dan di-sambut-nya oleh Muawiyah děngan sěnyum dan gěli



hati serta insaf. Kemudian sampuk pula Muawiyah dengan kata-nya, "Saudara hendaklah ketahui! Bahawa Su'ad sekarang bukan-lah istri saudara lagi, kerana saudara sendiri sudah mengaku telah mencheeraikan dia. Kemudian pula telah kawin dengan Marwan, dan diceeraikan oleh Marwan, dengan talak tiga, dan sekarang dia sa-orang perempuan janda yang bebas. Berhak ia memilih sa-barang laki2 yang di-sukai oleh-nya, jadi suami bagi-nya.

"Kerana kuasa memilih itu terletak di-tangan-nya. Dari itu, ia' boleh di-serahkan kepada saudara, melainkan harus di-tanya diri-nya lebih dahulu, siapa yang di-sukai oleh-nya. Orang itu-lah yang bakal jadi suami-nya. Sa-kira-nya dia pilih saudara, ketika itu baru-lah boleh dikawinkan dengan saudara, sa-sudah lepas edah-nya."

Maka bersetuju-lah laki2 itu, dengan hukuman itu. Maka Su'ad pun di-panggil masuk menghadap Muawiyah untuk menjawab beberapa pertanyaan yang akan di-majukan kepada-nya.

Lebih dahulu baginda telah memberikan penjelasan kepada Su'ad dengan kata-nya, "Bahawa engkau sekarang sudah jadi sa-orang perempuan janda, yang mempunyai hak dan kuasa untuk memilih siapa sahaja yang engkau sukai untuk jadi bakal suami engkau. Sa-kira-nya engkau hendak bersuami lagi.

"Ada-lah engkau suka bersuamikan sa-orang khalifah yang berdaulat dan kemuliaan serta kekayaan, seperti yang telah terbukti di-hadapan engkau ini? Atau suka kepada Marwan bin Al-Hakam yang buas dan ganas orang-nya?



Atau suka bĕrbalek dĕngan bĕkas suami ĕngkau, yang kichak dan papa itu?"

Jawab Su'ad dĕngan lidah yang faseli dan sĕmangat yang tĕnang dan tĕtap. Kata-nya, "Harap di-ampun tuanku bĕribu2 ampun! Hamba ini akan bĕrchakap bĕnar dan dĕngan chara bĕrtĕrus tĕrang sahaja. Bahawa sa-sungguh-nya suami yang kichak dan papa itu hamba junjong tinggi lĕbeh daripada harta dan mahkota. Hamba tidak pandang harta walau pun di-bĕnchi oleh ibu dan bapa. Fir'on dan Karun hatta siapa riwayat-nya tamat dĕngan sa-kĕlip mata. Harta dan pangkat buat apa kalau mĕnjadi rachun pĕmbunoh dan malapĕtaka. Sa-kali2 hamba tidak akan kĕchewakan dia, apa lagi hampakan hati-nya. Kĕrana dia sudah tiada ampunya dirham dan dinar, kotoran dunia. Bahkan tĕtap hamba taat dan sĕtia kaseh dan sayang sa-bagaimana dia. Sa-sungguh-nya hamba tidak lupakan budi baik-nya, sa-hingga mati baru-lah hamba tinggalkan dia." Dĕmikianlah bunyi jawapan Su'ad kapada pĕrtanyaan Muawiyah.

Di-sini Muswiyah tĕlah dapat pĕngalaman baru yang sangat aneh. Pĕrtama; tatkala ia mĕlihat bĕtapa sungguh-nya kĕtabahan hati dan pĕndirian pĕrkasa laki2 yang luar biasa itu dan pĕrchintaan-nya yang sa-jati kapada Su'ad bĕkas istĕri-nya. Kĕdua; sangat ta'ajub ia tatkala mĕlihat bĕtapa tĕgoh-nya taat sĕtia Su'ad yang pĕrwira itu dan kaseh sayang-nya yang tulen kapada laki2 bĕkas suami-nya. Maka ini sa-bagai chĕrmin bĕsar bagi sifat2 yang amat tĕrpuji itu.

Sa-sungguh-nya pĕistiwa itu pĕnob dĕngan bĕrbagai2 rupa aneka duka nĕstapa dan mala pĕtaka yang tĕlah



menerima atas diri kedua orang itu. Begitu juga sarat dengan berbagai suka-chita dan gembira yang telah menjelma di-hati dan jiwa dua orang itu. Yang mana telah menjadikan pribadi dua orang yang istimewa itu mendapat penghargaan tinggi dan pandangan mulia di-sisi khalifah Muawiyah. Sampai mereka di-jadikan sa-bagai tetamu yang kehormat, dengan di-berikan sa-baik2 layanan yang sempurna. Sampai habis edah-nya Su'ad lalu dikahwinkan lagi dengan laki2 bekas suami-nya itu. Maka berhantum-lah sa-mula mereka kedua2-nya, kemudian daripada di-pisahkan selama beberapa bulan dulu.

Sa-telah selamat sempurna pekerjaan kahwin itu lebeh dahulu mereka kedua2-nya telah pergi menghadap baginda untuk menyampaikan ucapan terima kasih. Sa-telah upacara kehormatan kepada khalifah di-tunaikan, laki2 itu berkata: "Harap di-ampun tuanku, bahawa sa-sungguh-nya hamba2 tuanku ini datang menghadap ia-lah kerana hendak mempersembahkan ucapan keshukoran besar dan terima kasih yang tiada terhingga. Kerana limpah pengurniaan paduka tuanku, atas hamba2 yang dzaib ini. Dengan berbagai2 ni'mat kemurahan dan layanan baik, serta jasa2 besar tuanku yang ta' dapat di-nilaikan itu.

"Bagitu juga kerana pertolongan2 yang tiada berbatas dan pembelaan adil tuanku kepada hamba2 yang lemah ini yang mana jika sa-kira-nya tidak kerana pertolongan dan pembelaan tuanku, yang tiada tolok handingannya itu, nescaya hamba2 tuanku ini tiada-lah dapat bertemu lagi sampai mati. Sa-sungguh-nya hamba2 ini telah karam di-dalam lautan kemurahan ihsan tuanku, yang tiada boleh



di-lupakan sa-lama hidup. Hamba2 tuanku ini tiada bër-daya upaya mēmbalas-nya, hanya kami ini pohonkan kapada Allah sahaja yang akan mēmbalas paduka tuanku dēngan sa-baik2 balasan sērta mēmohon do'a ka-hadzrat Tuhan sēru sakēlian alam, mudah2an di-kurniakan Allah sehat wal'afiat kapada tuanku dan di-pēliharakan takhta kērajaan tuanku daripada sēgala bahaya hēnchana. Amin.

"Sa-bagai pēnutup ucapan ini hamba2 tuanku mēmohon sērta bērharp kira-nya tuanku mēngizinkan hamba2 ini bērangkat pulang ka-kampong sēndiri."

Dēmikian-lah ucapan laki2 itu dua suami istēri.

Maka baginda tēlah mēnyambut ucapan itu dēngan amat gēmbira dan di-balas ucapan itu dēngan mēngucapkan sa-tinggi2 tabniah kapada laki2 itu dua suami istēri sērta mēndo'akan mēreka mudah2an sēlamat bahagia dan hidup dalam aman tēntēram dan sēntosa. Kēmudian pula baginda kurniakan kapada mēreka dua suami istēri wang sa-banyak dua ribu dinar dan bēbērapa ekor unta kēndēraan dan pēngangkutan barang2 makanan dan lain-nya yang juga tēlah di-bēkalkan untok mēreka. Maka bērangkat-lah mēreka dēngan pērasaan amat suka dan gēmbira yang tiada tērkira lagi.

Sampai tiba di-kampong dan rumah mēreka yang sudah di-tinggalkan-nya bēbērapa bulan lama-nya, maka pulch-lah sa-mula kēadaan hidup mēreka sapērti sēdia kala, bahkan lēbih tērator dan lēbih sēmpurna.



## HENDON DAN AL-HAJJAJ

---

Ini adalah suatu riwayat yang agak lucu lagi indah dan bērsējarah; tēlah bērlaku pada zaman khalifah Abdul Malik bin Marwan bin Al-Hakam. Baginda itu kēturunan daripada kaum bani Umaiyah juga. Bēliau tērmashhor sa-bagai sa-orang khalifah yang gagah pērkaasa dan kējam. Oleh kērana itu sangat di-takuti oleh raayat. Bēliau bērtakhta kērajaan di-kota Damshik juga. Ia mēmērentah sa-lama dua puluh satu tahun, dan wafat pada tahun 86 hijrah, bērusia 60 tahun. Dan sēkarang pula patut di-pērkenalkan Hendon dan Al-Hajjaj itu. Siapa dia Hendon itu?

Hendon binti Al-Nu'man bin Bashir Al-Anssari sa-orang gadis rupawan lagi bangsawan dan hartawan. Kērana tērsangat amat chantek-nya ia tēlah di-gēlar sa-bagai ratu kēchantekan di-sēluruh nēgara Irak pada zaman itu. Ia di-lahirkan di-kota Al-Ma'arrat nēgēri Kufah, jajahan Irak. Orang-nya bijak, petah lagi sastērawan dan ayahanda Al-Nu'man bin Bashir Al-Anssari itu daripada kaum Anssar. Lagi sa-orang sahabat Nabi dan bēkas Governor di-nēgēri Kufah itu.

Bērbētulan pula pada masa itu, Al-Hajjaj baru sahaja datang di-Irak kērana tēlah di-lantek mēnjadi governor di-situ oleh khalifah Abdul Malik bin Marwan. Maka tatkala itu-lah Al-Hajjaj tēlah mēndēngar bērita kēchantekan Hendon dan sifat2 pēribadi dan akhlak-nya yang mulia lagi tērpuji itu. Lalu sēgēra ia mēminang-nya dan pinangan itu di-tērima. Sa-tēlah itu istiadat pērkahwinan



pun di-langsungkan dengan antaran belanja sa-banyak sa-ribu dinar emas dan sa-puluh ribu dirham. Sa-lain dari itu lagi, Al-Hajjaj telah membuat janji akan membayar kepada Hendon sa-banyak dua ratus ribu dirham lagi sa-bagai tambahan.

Ta' berapa lama sa-telah bersatu, maka Hendon dibawa-nya pindah dari kota Al-Ma'arah ka-kota Bagdad pusat wilayah Irak, tempat kediaman-nya.

Siapa dia Al-Hajjaj itu?

Ya-lah Al-Hajjaj bin Yusuf Al-Thaqafi, keturunan daripada kaum Bani Thaqif, pada mula-nya ia menjadi sa-bagai sa-orang panglima perang. Kerana ia sa-orang berani, keras benggis dan paling kejam, pada suatu masa ia telah di-utus oleh khalifah Abdul Malik bin Marwan berserta dengan suatu angkatan bala tentera yang terbesa sa-kali di-bawah pimpinan-nya, untuk menyerang dan memerangi Abdullah bin Al-Zubir, yang pada masa itu beliau memerintah di-negeri Mekah Al-Mukaramah. Kerana beliau tidak mengiktirafkan kerajaan Abdul Malik bin Marwan itu.

Peperangan itu ia-lah suatu peperangan yang amat dahshat, ngeri dan kejam. Telah mengorbankan beribu2 jiwa melayang di-tanah suci itu dan berlanjutan masa-nya sa-lama lebih kurang enam bulan, yang mana pada akhirnya Ka'abah Baitullah Al-Haram itu, di-lontar dengan batu2 besa oleh Al-Hajjaj itu dengan *manjanik* suatu alat pelontar seperti meriam dan Abdullah bin Al-Zubir pun terbunuh. Kemudian badan-nya di-gantong di-tengah2 jalan raya sa-lama beberapa hari dan sa-telah itu baru-lah badan-nya



di-turunkan dan di-sērahkan kepada bunda-nya yang sudah tua bērumor lēbih sa-ratus tahun.

Sa-tēlah tamat pēpērangan itu, Al-Hajjaj pula di-lantek mēnjadi Governor di-Mekah, bagi samēntara waktu. Kēmudian dipindahkan dari situ ka-nēgēri Irak, mēmēgang jawatan Governor juga dan pada masa itu-lah Al-Hajjaj dapat bēristērikan Hendon.

Ada pun tēntang riwayat dan sējarah-nya amat-lah burok dan kēji, di-sēbabkan oleh pērbuatan-nya yang tērlalu amat dahshat dan kējam. Sa-bagaimana sērsēbut dalam buku2 tawarikh, mēngatakan bahawa jumlah orang2 yang sudah di-bunuh-nya sa-banyak sa-ratus ribu orang laki2 dan pērēmpuan dan jumlah orang2 yang di-hukum pēnjara adalah sa-banyak lima puluh ribu, ia-itu tiga puluh ribu laki2 dan dua puluh ribu pērēmpuan. Dan di-antara mēreka itu, tērdapat banyak orang2 yang tiada bērdosa. Kata yang ampunya riwayat; ada-lah bilangan angka itu harus mēlampau khad itu. Tētapi walau bagaimana pun, ada-lah pērbuatan-nya yang tērlalu kējam itu, tēlah mēnunjokkan bētapa pēri kēzaliman-nya yang tiada bērpēri-kēmanusiaan.

Oleh sēbab itu, maka Hendon tēlah sangat mēngēsalkan diri, kērana bērsuamikan sa-orang laki2 bukan sahaja burok rupa, bahkan lagi burok budi pēkērti dan jahat pērbuatan-nya. Mulai dari situ-lah pērasaan marah dan bēnchi timbul dalam hati Hendon, yang makin hari sa-makin mēndalam, hingga sampai ka-kēmunchak-nya. Tētapi ta' dapat ia bērbuat apa2, kērana ia sudah chukup faham dan sēdar, bahawa Al-Hajjaj itu sa-orang jahat pērangai dan kējam. Maka takut diri-nya di-apa2kan. Dari itu, sēntiasa ia sabar dan



tahan makan hati sa-lama itu, dēngan mēmbutakan mata dan mēmēkakkan tēlinga hingga sampai hukum Allah.

Sa-bagaimana sudah jadi adat dan kēbiasaan yang lazim di-buat oleh pērēmpuan<sup>2</sup> tiap hari ia-itu mēnyikat rambut bērsalin kain baju dan bērsolek diri, sa-kurang<sup>2</sup>-nya pada sa-hari sa-kali. Istimewa pula kalau orang<sup>2</sup> pēringkat atasan dan orang<sup>2</sup> yang mampu tēntu-lah lēbeh<sup>2</sup> lagi.

Pada suatu hari sēdang Hendon bērsolek dan mēnghiaskan diri-nya, di-hadapan sa-buah chērmin muka yang sa-tinggi bērdiri itu, sambil mēmandang kapada wajah-nya yang chantek gumilang itu, laksana bulan purnama, tiba<sup>2</sup> dēngan tiada sa-mēna<sup>2</sup> timbul suatu pērasaan sēdeh dan pilu dalam hati-nya. Munkin kērana tērknang nasib-nya, mēngapa boleh jatuh ka-tangan sa-orang laki<sup>2</sup> yang tidak sa-padan dēngan-nya, dan tidak sasuai dēngan jiwa-nya. Oleh sēbab itu dēngan tidak sēngaja tērkeluar dari mulut-nya kata<sup>2</sup> yang tērlalu kēsāt, kēji dan chēmar bunyi-nya. Sa-bagai mēnghina pēribadi Al-Hajjaj, lagi sangat mēnyakitkan hati-nya dan mēlukakan pērasaan-nya, sa-hingga Al-Hajjaj di-bangsakan kapada anjing buruan dan ini-lah butir<sup>2</sup> pēr-kataan-nya :

Sayang rupa-mu Hendon bangsawan,  
Chantek molek baka pahlawan,  
Bērsuamikan anjing binatang buruan,  
Tidak ku sudi mēlahirkan haiwan.

Rupa-nya kata<sup>2</sup> yang amat pēdeh dan bisa laksana kēris mēnikam jantung yang tēlah di-hamborkan oleh Hendon itu tēlah di-dēngar oleh Al-Hajjaj sēndiri, kētika ia sēdang



mēngēndap di-sabalek pintu bilek itu. Hendon tidak sēdar bahawa Al-Hajjaj bērdiri di-situ.

Kētika itu Tuhan sahaja yang mēngētalmi bagaimana rupa kēmarahan Al-Hajjaj itu dan bagaimana rasa panas sērta gēram hati-nya kapada Hendon. Agak-nya kalaa boleh na' di-hirup darah-nya. Akan tētapi ta' bērani ia bērbuat apa2 pun tērhadap diri Hendon kērana sa-lama2-nya ia kēchundang dan kalah roman dēngan Hendon itu. Miskipun ia sa-orang gagah, bērani dan kējam orang-nya. Tētapi di-hadapan Hendon sapērti tikus. Oleh sēbab itu, sa-tēlah di-dēngar-nya pērkataan2 yang tērlalu amat mēnyakitkan hati-nya tērpaksa ia mēngundorkan diri daripada situ.

Dia mēnggēnggam buku tangan-nya dan mēnggigit bibir-nya sēndiri, kērana ta' dapat mēlēpaskan gēram-nya itu. Di-dalam sa-panjang2 jalan ia bērfikir dan mēnggambar-kan pēristiwa itu, sampai tiba di-pējabat-nya di-situ-lah ia tēlah buat kēputusan hēndak mēnehēraikan Hendon dēngan talak tiga. Sa-tēlah mēngkaji hal itu dan sa-sudah bērfikir, bahawa apabila sa-saorang pērēmpuan sudah bēchikan suami-nya sērta di-pandang-nya rēndah dan hina, tidak harus istēri itu di-simpan atau di-taroh lagi.

Dia pun mēnehēraikan Hendon dēngan talak tiga, di-hadapan sa-orang laki2 yang mēnjadi sa-bagai sētiausaha sulit-nya bērnaama Abdullah bin Tahir dan sa-tēlah sēlēnai Al-Hajjaj pun mēnyērahkan kapada Abdullah bin Tahir, wang dua ratus ribu dirham ia-itu wang yang tēlah di-janji-kan oleh Al-Hajjaj itu kapada Hendon dahulu. Kēmudian puis, di-suroh-nya pērgi mēnjumpai Hendon untok mēnyam-



paikan bĕrita pĕnchĕraian-nya itu sĕrta mĕnyĕrahkan wang itu ka-tangan Hendon sĕndiri, kata Al-Hajjaj.

Maka pĕrgi-lah Abdullah bin Tahir sa-bagai utusan daripada Al-Hajjaj kapada Hendon. Bĕrbĕtulan pula kĕtika itu Hendon sĕdang bĕrdiri di-tingkap. Ia tĕrkĕjut mĕlihat kĕdatangan Abdullah bin Tahir itu. Kĕrana biasa-nya ta' pĕrnah ia datang sa-orang diri, mĕlainkan bĕrsama2 dĕngan Al-Hajjaj atau pada waktu Al-Hajjaj sĕdang bĕada di-rumah. Tĕntu-lah ada sa-suatu hal yang luar biasa, kata Hendon dalam hati-nya. Lalu ia mĕnyuroh khadam pĕrgi mĕmbuka pintu dan mĕnjĕmput Abdullah masuk.

Sa-jurus kĕmudian Abdullah bin Tahir pun sampai, dĕngan mĕmbawa wang itu. Sa-tĕlah mĕmbĕri salam dan hormat kapada Hendon, ia berkata: "Bahawa saya di-utus oleh Al-Hajjaj, untok mĕnyampaikan amanah kapada awak. Ia-itu Al-Hajjaj tĕlah mĕnchĕraikan awak dĕngan talak tiga di-hadapan saya, dan ini wang dua ratus ribu dirham di-suroh sĕrahkan di-tangan awak sĕndiri, sĕkian-lah ada-nya."

Jawab Hendon dĕngan muka manis tĕrsĕnyum dan suara mĕrdu dan tĕnang: kata-nya, "Kĕtahui-lah ya bin Tahir! Dĕmi sa-sungguh-nya, ada-lah bĕrita yang saudara bawa ini, kami sambut dĕngan mĕnguchap sa-bĕsar2 shukor ka-hadzrat Allah yang maha murah. Sa-bagai suatu pĕngurnia-an rahmat dan ni'mat daripada-nya. Bĕrita ini kami sambut dĕngan pĕrasaan amat suka gumbira yang tiada tulok banding-nya. Bĕrita yang saudara bawa ini, ada-lah kami pandang dan anggap sa-bagai suatu hadiah bĕsar, yang tiada tĕrnilai harga-nya. Ini-lah dia yang sĕntiasa kami tunggu2kan



saperti buah ta' jatuh, dan ini-lah yang di-katakan orang puebok di-chinta ulam mēndatang oleh kērana itu ada-lah wang dua ratus ribu dirham ini, kami bērikan kapada saudara sa-bagai hadiah daripada kami tērhadap bērita kēlēpasan kami daripada chēngkaman anjing kaum Bani Tbaqif itu."

Pēnghabisan sa-kali Hendon bērkata :

"Sēkarang saudara pērgi bēritahu kapada Al-Hajjaj, ialahwa sēkarang tinggal satu pērkarā lagi yang wajib di-tunaikan oleh-nya dēngan sa-chēpat mungkin. Ia-itu dari mana ia sudah mēngambil kami, ka-situ mēsti ia pulang-kan dēngan kawalan yang chukup lēngkap dan sampurna."

Maka utusan itu pun pulang mēngadap Al-Hajjaj, dan tuntutan Hendon itu di-sampaikan kapada-nya. Maka tuntutan itu pun di-tunaikan oleh Al-Hajjaj, kērana memang itu sudah kēwajiban-nya.

Sa-lēpas pēristiwa pēnehēraian Hendon dēngan Al-Hajjaj itu bērlaku, pērkhabaran itu pun tērbebah di-sa-rata2 nēgēri, dan mērebak sampai ka-dalam sitana, hingga tiba kapada pēngētahuan khalifah Abdul Malik bin Marwan, yang mana baginda itu memang sudah lama mēnaroh hati kapada Hendon sējak dari sa-bēlum ia bērsuamikan Al-Hajjaj. Tētapi bēlian masa itu sēdang sibok dēngan takhta kērajaan dan pērtadbiran nēgara sērta pērkarā2 yang tēr-lēbeh bēsar lagi, maka itu-lah yang tēlah mēngēndalikan bēlian mēlangsongkan chita2-nya itu.

Tiba2 datang Al-Hajjaj mēnyambar-nya tēr-lēbeh dahulu kērana ia tiada tahu bahawa baginda itu ada mēnaroh hati kapada Hendon, dan sa-kira-nya Al-Hajjaj tahu akan hal



itu, tentu-lah ta' bĕrani bĕrbuat dĕmikian. Pada hakekat-nya sĕmua-nya itu judoh pĕrtĕmuan sa-saorang.

Sĕkarang Hendon sudah jadi janda sa-lĕpas edah-nya harus ada yang masok mĕminang-nya, kĕrana kĕchantekean rupa dan sifat2-nya yang elok tĕrpuji itu. Yang mana akan mĕnjadi rĕbutan orang2 kapada-nya.

Oleh sĕbab itu supaya jangan kĕmpunan dan supaya jangan pisang bĕrbuah dua kali, biar siang2 dahulu aku masok mĕminta-nya, kata Abdul Malik bin Marwan dalam hati-nya. Lalu ia sĕgĕra mĕngutus sa-orang daripada pehak-nya bĕrsĕrta dĕngan sa-puchok surat kapada Hendon, sa-bagai mĕminang diri-nya untok diri baginda itu sĕndiri dan minta jawapan surat itu.

Tĕrkĕjut bĕsar Hendon dĕngan kĕdatangan utusan khalifah itu. Lĕbeh2 lagi sa-tĕlah mĕnatap surat yang di-bawa-nya itu. Sa-sungguh-nya pĕristiwa yang sangat tidak di-sangka2 itu tĕlah mĕnjadikan Hendon amat-lah bingung dan sĕrba-salah, hingga ta' tahu lagi bagaimana chara hĕndak mĕnjawab surat itu.

Akhir-nya tĕrpaksa-lah ia jawab dĕngan mĕnulis sa-puchok surat yang panjang lebar kapada baginda. Bunyi-nya sa-akan2 mĕnolak lamaran baginda itu, dĕngan mĕmbayangkan kapada-nya sa-olah2 ia bĕlum hĕndak bĕrsuami lagi. Di-antara pĕrkataan2-nya yang lain ia bĕrkata, "Harap di-ampun tuanku bĕribu2 ampun; sayugia-lah tuanku kĕlahui bahawasa-nya anjing tĕlah mĕnjilat dalam bĕjapa itu."

Dĕmi tĕrbacha baginda akan ayat itu, tĕrtawa bĕsar ia dĕngan pĕrkataan Hendon yang bijak itu. Maka jawab



baginda dengan kata-nya, "Apabila anjing menjilat dalam bejana boleh di-basoh bejana itu tujuh kali. Salah satunya dengan tanah, maka suci-lah ia dan halal di-pakai. Lagi pun hendak-lah ketahui, bahawa apabila sa-saorang suka menyampaikan hajat orang, tetap akan mendapat pahala dan balasan baik."

Dengan butir2 kenyataan baginda dalam surat-nya yang kedua itu jelas-lah kepada Hendon, betapa sunggoh-nya kemahuan khalifah itu hendak sangat beristèrikan dia. Dari itu sudah ta' berani ia berdaleh dan buat2 mahal lagi. Kerana takutkan kemurkaan khalifah itu.

Dia pun segera menjawab dengan menyatakan persetujuan-nya dengan amat besar hati serta gumbira, kerana baginda telah menchemarkan peribadi-nya yang mulia dengan meminang diri-nya yang hina itu dan berbangga ia dengan menjunjong titah perintah itu, dengan sa-penoh2 taat setia.

Hendon menambahkan kata lagi; "Sunggoh pun bagitu, hamba akan melètakkan beberapa syarat! Yang mana di-harap kira-nya tuanku akan sudi memperkenankan syarat2 itu. Dan ini-lah dia, seperti berikut.

"Pertama hendak-lah orang yang memègang tali ras unta kèndèrsan hamba dari kota Al-Ma'arras sampai di-hadapan pintu istana tuanku ia-lah Al-Hajjaj itu sendiri. Dua, hendak-lah ia berpakaian sa-chara pakaian gembala unta. Tiga, hendak-lah ia berjalan kaki ayam, di-bawah usongan kèndèraan hamba dengan memègang tali ras unta itu. Empat, hendak-lah ia menjalankan segala perkhidmatan-nya dengan penoh taat setia, supaya terkawal dan terjamin diri dan nyawa hamba daripada sa-barang bahaya



bencana dan pengkhianatan, yang di-takuti berlaku di-dalam perjalanan itu."

Ini-lah dia syarat2 Hendon kepada Abdul Malik bin Marwan.

Kata yang ampunya riwayat, ada-lah syarat2 perempuan itu terlalu amat berat dan harus ta' boleh di-lakukan oleh sa-sorang khalifah yang bijaksana. Kerana ada-lah perbuatan yang sa-demikian itu ia-lah menghinaakan pribadi sa-orang pegawai tinggi yang di-lantek oleh khalifah itu. Apabila terlaksana syarat2 itu, bukan-lah berarti kehinaan bagi orang itu sahaja, bahkan juga sa-bagai menghinaakan tubuh kerajaan itu sendiri.

Tetapi apa boleh buat, pengaruh kechanteakan telah membutakan mata hati dan membekukan fikiran orang yang mudah sangat terpengaruh dan kuat kuasa perhintaannya itu, telah menawan semangat yang lemah dan menaalok jiwa yang kecil. Seperti jiwa khalifah Abdul Malik bin Marwan, yang di-katakan konon-nya gagah perkasa itu telah tunduk menjunjung perintah sa-orang perempuan. Hingga dengan tidak berfikir panjang lagi telah mengutus sa-orang berserta sa-puchok surat kepada Al-Hajjaj, menyuruh dia bawa Hendon serta sakelian pengiring2-nya datang mengadap-nya, dan di-tegaskan lagi kapada-nya, supaya ikut titah perintah yang tersebut di-dalam surat-nya itu.

Yang ampunya riwayat itu menambahkan kata, pendek-nya tindakan sa-orang khalifah sa-chara itu terhadap sa-orang pegawai-nya, ada-lah di-pandang sangat bertentangan dengan dasar kemuliaan akhlak sa-suatu umat yang bertamaddon. Dan berlawanan dengan tata-tertib masyarakat yang tinggi.



Kata-nya lagi: Sekarang mari kita bandingkan pula pribadi dan akhlak khalifah itu dengan pribadi dan akhlak sa-orang pahlawan Islam yang sa-benar2 gagah perkasa dan berssemangat kesatria serta berjiwa perwira, ia-itu Tarik bin Ziad, Panglima tentera yang telah menyerang negara Spain dengan serangan kilat-nya yang bersejarah itu, sehingga negara itu terतालोक kapada-nya.

Mari kita dengar apa kata pahlawan itu kapada utusan raja Spain yang membawa sa-orang gadis pilchan yang amat chantek sa-bagai hadiah daripada raja itu, kapada Tarik bin Ziad, dan manakala beliau melihat paras gadis yang chantek itu, ia berkata kapada utusan yang membawa-nya. "Kalau saya terima gadis ini terpaksa-lah saya melayani-nya. Maka itu bermaana saya telah menzalimi hemmah dan tugas yang wajib saya tunaikan. Dan kalau saya tinggalkan dengan membiarkan-nya bagitu sahaja, bermaana saya menzalimkan gadis rupawan ini. Kalau bagitu, lebih baik saudara bawa dia pulang ka-tempat-nya. Kerana saya tidak-lah berhajat kapada-nya."

Demikian-lah bunyi penolakan Tarik bin Ziad perwira yang termashhor dengan semangat-nya yang kuat tegoh dan setia itu. Lagi patut di-ketahui, bahawa asal usul Tarik bin Ziad itu, ia-lah bekas hamba kapada sa-orang laki2 yang bernama Musa bin Nasir di-Afrika Utara. Tetapi kerana pribadi-nya yang istimewa dan akhlak-nya yang terpuji, serta semangat yang kasatria itu, telah melitakkan dia pada tempat yang tertinggi. Hingga menjadi chermis atau perbandingan kebanggaan bagi siapa yang bersifat demikian itu.



Sekarang berpaling pula kita kepada orang yang berjihad dan berakhlak keji itu, seperti Al-Hajjaj bin Yusuf yang telah sanggup menghinakan pribadinya dan menjatuhkan ayer muka-nya dengan menjunjung titah perintah Abdul Malik bin Marwan. Dengan melaksanakan segala apa yang tersebut di-dalam surat-nya itu, maka ternyata di-sini, bahwa kesanggupan Al-Hajjaj berbuat demikian itu, ia-lah kerana takutkan pangkat-nya itu terlucut dan kerusi itu tercabut daripadanya. Dari itu sa-telah ia menatap surat Abdul Malik bin Marwan, dengan serta merta ia berangkat ka-kota Al-Ma'arrat tempat kediaman Hendon. Dan dengan sedikit pun tidak merasa segan dan malu titah perintah khalifah itu di-sampaikan kepada Hendon serta menetapkan kepadanya akan hari berangkat itu menurut perintah khalifah.

Maka Hendon pun mengerah sakalian dayang2 dan hamba2 sabaya-nya supaya mengemas, menyimpan dan bersiap sedia segala keperluan dan bekalan di-jalan, seperti juadah2 dan lain-nya. Dan begitu juga Al-Hajjaj telah sibok membuat persediaan berpuluh2 ekor unta untuk kenderaan Hendon dan pengiring-nya. Dan pada hari yang sudah di-tentukan itu, maka berangkat-lah Hendon dengan memberi selamat tinggal kepada sakalian penduduk kota yang di-kasih-nya itu, lalu menuju ka-kota Damshik yang termashhor dengan keindahan-nya, pusat kerajaan Bani Umayyah.

Dan Al-Hajjaj itu dengan pakaian sa-chara gembala unta, berjalan kaki ayam di-bawah usongan Hendon, sambil



tali ras unta itu di-tangan-nya. Sa-telah bĕrjalan jauh mĕninggalkan kota tĕrsĕbut dan mulai masok ka-padang Sahara yang luas sapĕrti laut itu, Hendon bĕrchakap2 mĕliporkan hati-nya dĕngan sĕtiasaha sulit-nya, sa-orang pĕrĕmpuan bĕrnama Al-Haifa. Orang-nya petah dan luehu, sĕrta pandai bĕrjĕnaka. Dari itu Hendon sayangkan dia, dan ta' boleh rĕnggang daripada-nya. Hingga dalam usongan itu pun ia mĕnĕmankan Hendon bĕrbual2, bĕrsĕloroh dan bĕrjĕnaka. Dĕngan pĕrasaan pĕnoh sukaria dan gumbira, di-sambilkan pula dĕngan mĕngusik, mĕngejek dan mĕnyindir2 Al-Hajjaj itu, kĕrana hĕndak mĕmbakar hati-nya.

Walau pun bagitu, tĕtapi Al-Hajjaj tĕtap sabar. Mĕm-bisikan mulut dan mĕmĕkakkan tĕluga, sa-olah2 ia tidak mĕndĕngar pĕrbualan mĕreka itu. Tĕtapi tulian sahaja yang mĕngĕtahui bagaimana rasa di-dalam hati-nya. Pendek-nya sa-tiap hari Hendon dan tĕman-nya tidak lain mĕlainkan mĕngusek dan mĕngejek2 Al-Hajjaj dĕngan bĕrbagai2 bahasa sindiran. Sa-makin dĕkat na' sampai sa makin ranchak mĕreka kĕrjakan hamba Allah itu dari satu masa ka-satu masa.

Pada suatu hari Hendon mĕnjĕngok dari tingkap usongan, tiba2 tĕrpandang ia muka Al-Hajjaj dĕngan gaya pakaian yang ehomot lomot, bĕrjalan kaki ayam. Lalu ia gĕlak lĕrtawa bĕsar, kĕrana mĕlibatkan tokoh Al-Hajjaj yang hebat itu, sudah jadi sampai bagitu rupa. Di-sini Al-Hajjaj sudah tidak sabar lagi hati-nya, ibarat tĕmpayan sudah pĕnoh sampai mĕlimpah. Oleh kĕrana tĕrlampau



sangat panas hati-nya. Al-Hajjaj mēlēpaskan kata, sapērti bērikut :

*Jangan Hendon tērlawa sangat,  
Mēngata mēngejek sa-tiap saat,  
Dēngan bahasa tēramat kēsāt,  
Budi orang mahu-lah ingat,  
Tapi sudah mēnjadi 'adat,  
Manusia yang bagitu sifat,  
Bila sahaja kēmuliaan tērdapat,  
Dia pun lupakan darat.*

Jawab Hendon :

*Hai gēmbala orang kichak,  
Katup mulut sa-bēlum tērhēnyak,  
Kalau tidak tērkēna pijak,  
Kēpala nanti akan di-sepak.  
Hendon bukan sa-orang kichak,  
Tapi budiman sērta bijak,  
Mashkor tērkēnal di-sagēnap pchak,  
Atas kēmuliaan dudok tērsidak.*

Jawab pula Al-Hajjaj :

*Jangan Hendon marah lēkas,  
Mēlēpaskan bahasa tērlalu pēdas,  
Sēgala apa biar bēralas,  
Pērkataan kēji jangan di-lēpas.*



*Hendon juga mula memulas,  
Sudah-lah pulas lagi mengempas,  
Jadi kami terpaksa balas,  
Chakapan Hendon juga di-ulas.*

Jawab lagi Hendon :

*Tidak peduli asalkan selamat,  
Nyawa badan tidak terhacakat,  
Daripada benchesana dan khianat,  
Orang kejam ganas penjahat.*

*Hendon sedikit tidak berhajat,  
Kapada harta orang jahat,  
Darjat kemuliaan tetap terdapat,  
Kalau badan sehat selamat.*

Demikian-lah lebih kurang kisah Hendon dengan Al-Hajjaj dalam sa-panjang2 perjalanan-nya dari kota Al-Ma'arrab, hingga sampai di-luar kota Damshik. Di-situ Hendon sengaja menyampak sa-keping dinar ka-tanah. Kemudian berkata, Hai gembala unta! Sa-keping dirham kami telah gugor ka-tanah. Lėkas pungut dan serahkan balek kapada kami."

Maka tundok-lah Al-Hajjaj memungut dirham itu, tetapi di-dapati-nya itu dinar bukan-nya dirham. Lalu di-serahkannya kapada Hendon seraya berkata, "Ini sa-keping dinar bukan-nya dirham."

Jawab Hendon: "Shukor Alhamdulillah, Tuhan sudah gantikan dirham kami dengan dinar."



Lagi terbakar hati Al-Hajjaj dengan sindiran Hendon itu. Tetapi Al-Hajjaj selatapkan muka dan jawab dengan sa-rangkai pantun, seperti berikut :

*Dari Kufah ka-Torsina,  
Tempat munajat nyata-lah jelas,  
Macham mana pun Hendon mēnghina,  
Kaseh di-hati haram ta' lepas.*

Ta' berapa lama sa-lēpas itu, Hendon pun sampai di-hadapan istana dan di-sambut dengan sambutan yang mēriah oleh istēri mēntēri<sup>2</sup>, orang bēsar<sup>2</sup> dan orang<sup>2</sup> tērnama. Lalu di-pērsilakan dia masuk ka-dalam istana mēngadap Khalifah Abdul Malik bin Marwan, dengan di-iring oleh mēreka itu sakalian.

Sa-tēlah sēlēsai upachara istiadat mēngadap itu, baginda bērtitah suroh lētakkan Hendon dan sakalian pēngiring-nya pada sa-buah istana lain yang chukup lēngkap dengan sēgala pēralatan baru, sērta di-bērikan layanan<sup>2</sup> yang sēmpurna dan tēristimewa sa-hingga habis tempoh edah-nya.

Sa-lēpas itu, upachara istiadat akad nikah di-raja pun di-langsungkan dalam suasana yang amat sukaria dan gumbira. Maka bērbahagia-lah Hendon mēnjadi sa-orang istēri Khalifah dan hidup-lah ia dalam kēadaan yang lēbeh aman dan sēntosa dengan sēlamat-nya. Kata yang ampunya riwayat, dēmikian-lah lēbeh kurang riwayat Hendon dan Al-Hajjaj itu. Tammat.



## KÉKÉJAMAN AL-HAJJAJ

---

Térsébut dalam buku "*Hayatul Ha'irun*" bahawasanya Al-Hajjaj bin Yusuf tatkala mēndēngar orang<sup>2</sup> sēlalu mēnyébut<sup>2</sup> nama sa-orang ahli Tasauf yang sangat zuhud, maka ia tēlah mēnyuroh sa-orang pēgawai-nya bērnama Al-Mutalammis bin Al-Ahwas bērsērta suatu rumbongan dēngannya untok pērgi mēnchari Sa'id bin Jubair itu sampai dapat.

Maka pērgi-lah mēreka itu mēnyēlidak dan mēnchari di mana tēmpat kēdiaman-nya itu. Sampai tiba pada suatu desa, di-situ mēreka tērjumpa dēngan sa-orang padēri Kēristian dēkat sa-buah rumah ibadat. Maka bērtanya mēreka itu kapada-nya kalau<sup>2</sup> ia kēnal Sa'id bin Jubair itu dan tēmpat-nya.

Jawab padēri itu, "Saya ta' kēnal nama itu, tētapi chuba saudara<sup>2</sup> bērjalan pērgi sampai ka-hujung desa ini, dan di-situ akan tērjumpa dēngan sa-buah pondok di-diami oleh sa-orang laki<sup>2</sup>. Mungkin orang itu yang saudara<sup>2</sup> chari."

Mēreka pun pērgi hingga sampai ka-tēmpat itu, maka di-dapati-nya ia sēdang sujut dalam sēmbahyang sambil munajat kapada Tuhan-nya. Mēreka mēmbēri salam kapada-nya, tētapi ia tidak mēnghirankan orang<sup>2</sup> itu dan salam-nya. Bahkan di-tēruskan sēmbahyang-nya hingga sēlēsai, baru-lah ia mēnjawab salam orang<sup>2</sup> itu.

Kēmudian mēreka itu bērkata kapada-nya, "Hai Sa'id! Al-Hajjaj mēmanggil tuan datang ka-Baghdad sēkarang juga."



Maka berkata Said, "Apa! ta' dapat tidak mesti saya pergi menemui dia?"

Jawab mereka, "ya."

Dia pun mengucap Alhamdulillah dan Salawat atas Nabi (s.a.w.) kemudian bangkit berdiri lalu keluar berjalan mengikut mereka itu, hingga sampai dekat rumah padèri tadi.

Maka bertanya padèri itu kata-nya, "Sudah-kah saudara berjumpa dengan laki2 yang di-chari itu?"

Jawab mereka itu, "Sudah."

Sambong lagi kata-nya: "Jemput-lah saudara2 masuk, kerana hari pun sudah senja, kerana di-dalam hutan belukar desa ini ada sa-pasang singa. Pada tiap2 malam singa itu keluar merayau2 di-dalam kawasan ini, dan sekarang ini sudah hampir binatang2 buas itu keluar. Oleh itu lèkas-lah saudara2 masuk."

Maka masuklah mereka itu, melainkan Said bin Jubair itu enggan masuk ka-rumah padèri itu.

Kata orang2 itu, "Nampak-nya tuan menchuba hendak melarikan diri."

Jawab Said, "Tidak, tetapi saya ta' mahu masuk ka-rumah orang mushrik."

Kata pula mereka itu, "Kami ta' boleh membiarkan tuan menjadi mangsa binatang2 ganas itu."

Maka berkata Said, "Bahawasanya Tuhan akan memelihara akan saya daripada bahaya itu, bahkan Tuhan akan menjadikan binatang2 itu sa-bagai pengawal bagi diri saya daripada bahaya2 yang lain, Insha Allah."



"Apa-kah tuan ini sa-orang Nabi?" Tanya mēreka.

Jawab Said, "Saya bukan Nabi. Tētapī saya sa-orang hamba yang hina lagi banyak bērdosa!"

"Baik-lah," kata mēreka itu, "tētapī sēkarang tuan mēsti bērsumpah tidak akan lari daripada sini."

Maka bērsumpah-lah ia. Kēmudian pula bērkata padēri itu, "Saya harap saudara2 jangan jauhkan dari panah dan busaran-nya itu, untok mēmanah binatang2 itu kalau ia datang hēndak mēmbinasakan hamba Allah yang saleh ini."

Ta' bērapa lama sa-lēpas itu, datang sa-ekor singa mēnchium2 badan Said dan mēnggesel2kan badan-nya dēngan badan bēliau itu. Lēpas itu dia pun dudok di-sabēlah-nya. Sa-jurus kēmudian, datang sa-ekor lagi dan bērbuat sapērti itu juga. Pendek-nya sēgala apa yang sudah bērlaku itu, tēlah di-lihat dan di-pērhatikan-nya oleh paderi itu dan sēmua orang2 dalam rumah itu.

Pada ka-esokan pagi-nya, turun padēri dan rombongan itu mēnēmui Said. Maka bērtanya padēri itu kapada bēliau bērkēnaan bēbērapa pērkarā dalam hukum2 Shariat Islam, dan bēbērapa Hadith Nabi (s.a.w.) lalu bēliau tērangkan maksud tiap2 satu-nya kapada padēri itu. Maka Islam-lah ia pada saat itu juga.

Kēmudian pula bērkata kētua rombongan itu kapada Said. "Bahawa sa-sungguh-nya kami tēlah bērsumpah di-hadapan Al-Hajjaj, ia-itu kami tidak akan mēngkhianati tugas dan kēwajibān sērta wajib taat kapada pēren-tah-nya itu. Maka kami sēkarang sudah jadi sērba salah.



Dari itu, kami pulangkan hal ini kepada pertimbangan tuan. Dan kami akan menjunjung tuat kepada hukuman tuan."

Maka berkata Said, "Tugas dan kewajiban saudara? ini teruskan sahaja. Adapun tentang diri saya itu telah saya serahkan kepada Allah yang menjadikannya dan tiada sa-suatu boleh menolak kada' Allah subhanahu wataala."

Maka berjalan-lah mereka itu menuju kota Baghdad. Hingga tiba pada suatu desa bernama Wasid, daripada situ ta' berapa jam berjalan sampai di-kota Baghdad. Tetapi kerana hari sudah malam, terpaksa mereka menginap di-desa tersebut. Lagipun kerana terlalu penat berjalan sa-panjang? hari.

Di-sini Said berkata kepada mereka itu, "Ajak saya sudah hampir dan tempoh-nya tidak berapa lama lagi. Dari itu, saya minta dari saudara? kira-nya boleh, tolong benarkan saya mengasingkan diri daripada saudara?. Supaya bersedia untuk mengadap malikaal-maut dan munkar-nakir serta mengulang kaji azab kubor itu. Dan Insha Allah taala besok pagi? saya akan sampai ka-mari menyerahkan diri."

Lalu berunding-lah mereka itu sama sendiri, sa-tengah-nya berkata, "Bagaimana kita hendak melepaskan dia sa-telah bersusah payah kita menebari-nya sa-telah berjumpa tiba? sekarang hendak di-lepaskan. Baik kalau dia balek, kalau tidak? Bererti sia? belaka kerja dan kepénatan kita itu." Kata sa-tengah daripada mereka itu, "Bukan saja akan jadi sia? kepénatan itu, bahkan suatu malapétaka besar akan menimpa diri kita semua apabila Al-Hajjaj dapat tahu akan hal ini."



Kata pula sa-orang lagi daripada mēreka itu, "Saya fikir lēbeh baik kita bērikan pēluang kapada bēliau ini dēngan mēlepaskan-nya, dan saya jamin Insha Allah dia akan mēnyēmpurnakan janji-nya itu."

Kēmudian pula mēreka pandang muka Said yang sēntiasa muram itu sambil mēnitek ayer mata-nya, dēngan tidak makan dan minum dari sējak mēreka bērjumpa dēngan-nya hingga hari itu.

Dalam suasana yang amat mēnyēdehkan hati, dēngan sa-bulat suara mēreka itu sēmua-nya bērkata kapada bēliau, "Sungguh-nya kami mērasa amat-lah dukaabita atas pērbuatan kami yang sudah tērlangsong itu. Sa-kira-nya lēbeh dahulu kami tahu akan pērihal dan kēadaan tuan saperti ini, mēsehaya kami tidak akan sanggup kapada Al-Hajjaj untok mēnchari tuan. Alang-kah bēsar-nya malang kēchēlakaan kami ini. Apa-kah kausoran dan jalan kēlēpasan kami daripada dosa ini *di-Yaumil Mahshar* di-hadapan Tuhan yang maha adil lagi pērkasa itu.

"Kami minta ampun dan maaf kapada tuan sērta harap doakan kami kira-nya di-lēpaskan Allah akan kami daripada tanggong jawab itu, pada Hari Mahshar kēlak. Kērana dēmi sa-sungguh-nya dalam sa-umur hidup kami ta' pēruah bērjumpa dēngan sa-orang bagitu mulia pēribadi-nya saperti tuan ini."

Dia pun mēndoakan mēreka itu supaya sēlamat di-dunia dan di-akhirat, bēliau itu pun mēreka lēpaskan. Maka pērgi-lah ia ka-sabuah tēmpat yang sunyi, dan di-situ- ia sēmbahyang bērdoa dan mēmohon daripada Tuhan kira-nya di-ampunkan dosa2-nya dan di-kurniakan kapada-nya Husnul Khatimah sambil mēnangis sa-malam2an itu sampai pagi.



Mereka dapat tahu hal itu, kerana mereka telah pergi mengendap sambil memerhatikan perbuatan beliau itu. Dan sa-belum terbit matahari beliau pun pulang mengetok pintu tempat mereka tinggal. Maka keluar-lah mereka menyambut-nya dengan menangis kesedehan, lalu berjalan pergi sampai-lah di-kota Baghdad.

Said bin Jubair itu pun di-hadapkan kepada Al-Hajjaj. Maka berkata Al-Hajjaj kepada Said, "Siapa nama engkau?"

Jawab beliau itu, "Said bin Jubair."

"Bukan! Nama engkau Chelaka bin Pembinasas" kata Al-Hajjaj.

Jawab Said, "Bahkan ibu-ku ada-lah lebih mengetahui dengan nama ku, daripada engkau."

"Engkau dan ibu engkau sama chelaka," kata Al-Hajjaj.

Jawab Said, "Ada-lah yang mengetahui ilmu ghaib itu ia-lah Allah bukan engkau."

"Aku akan bakar badan engkau dengan api di-dunia," kata Al-Hajjaj.

"Kalau aku sudah ketahui bahawa engkau berkuasa buat demikian itu, masyaya aku jadikan engkau Tuhan yang di-sembah."

"Apa-kah pendapat engkau terhadap Muhammad?" Tanya Al-Hajjaj.

Jawab Said, "Muhammad ia-lah Nabi dan Rasul yang membawa rahmat bagi sakalian alam."

"Apa-kah pendapat engkau terhadap Ali bin Abi Talib. Ada-kah dia daripada ahli surga atau daripada ahli nuraka?"



Jawab Said, "Kalau sudah aku masuk ke-dalam surga dan nuraka dapat melihat siapa penduduk kedua2-nya, niscaya dapat aku beritahu engkau siapa di-dalam surga dan siapa di-dalam nuraka itu."

"Apa-kah pendapat engkau terhadap Khalifah2 Muhammad itu?"

"Aku tidak di-beri kuasa untuk mengambil tahu segala hal ahwal mereka itu," kata Said.

"Khalifah mana-kah yang lebih engkau kasah?"

Jawab Said, "Yang lebih di-redzai oleh Allah yang menjadikan aku."

"Siapa-kah yang lebih di-redzai oleh Allah di-antara mereka itu?"

Jawab Said, "Ada-lah itu dalam ilmu Allah yang maha mengetahui segala2 yang zahir dan yang batin."

"Kenapa engkau sentiasa masam muka ta' pernah ketawa?"

Jawab Said, "Ada-kah boleh ketawa oleh sa-sorang yang di-jadikan daripada tanah dan tanah itu pula akan di-bahan oleh api?"

"Kenapa kami semua boleh ketawa?"

Jawab Said, "Hati manusia Tuhan jadikan tidak sama."

Kata yang ampunya riwayat, kemudian Al-Hajjaj suroh orang-nya bawa satu dulang yang penuh berisi dengan batu2



pěrmata zamrud, dělina, mutiara dan lain2 pěrmatamānikam dan di-lětakkan di-hadapan-nya.

Maka bėrkata Said, "Jikalau ka-sėmua-nya ini yang tėlah ěngkau himpulkan untok mēnėbus diri ěngkau daripada mala pėtaka yang maha dahshat, ngėri dan paling mēnakutkan, ia-itu hari kiamat, mungkin baik. Tėtapi kalau chuma di-himpulkan untok pěrhiasan dan kēmėgahan dunia sahaja, maka itu tiada bėrguna sama sėkali, dan tiada mēmbėri sa-barang mupafaat pun di-akhirat kėlak."

Kėmudian pula Al-Hajjaj suroh bawa sėgala alat bunyi2an dan di-bunyikan oleh ahli bunyian dan mēnyanyi oleh ahli pėnyanyi dan tukang2 mēnari itu, kėtika itu Said mēnangis.

"Kėnapa ěngkau mēnangis?" tanya Al-Hajjaj. Sambong-nya, "Sėkarang ěngkau pileh sėndiri, dėngan sa-chara apa ěngkau minta di-bunoh?"

Jawab Said, "Lėbeh baik pileh-lah bagi diri ěngkau satu chara mati yang di-sukai oleh hati ěngkau itu. Kėrana dėmi Allah yang maha bėrkudrat itu, dėngan chara apa pun ěngkau bunoh aku, nuschaya dėngan chara itu juga ěngkau akan di-bunoh oleh Allah Taala pada hari kiamat kėlak."

"Mahu-kah aku ampulkan ěngkau?" Tanya Al-Hajjaj.

Jawab Said, "Jikalau kėampunan itu datang daripada Allah aku tėrima. Jika daripada ěngkau, maka tidak-lah."

Lalu Al-Hajjaj suroh orang2-nya seret Said itu kėluar dari situ dan bunoh sa-kali. Kėtika itu baru-lah Said tėrtawa. Maka di-tanya oleh Al-Hajjaj, "Kėnapa baharu sa-kali ini di-lihat ěngkau kėtawa?"



Jawab Said, "Aku tertawa kerana sangat ta'ajub mēlibat pērbuatan engkau yang sedikit pun tidak sopan dan tidak takut akan balasan seksaan Allah Taala. Serta ta'ajub tēntang halim dan sabar Allah Subhanahuwa Taala atas pērbuatan engkau yang begitu kējam itu."

Kerana hēndak mēnunjukkan sifat kēgagahan-nya, Al-Hajjaj suroh rēbahkan Said di-situ juga dan di-bunuh dia di-hadapan-nya.

Maka bērkata Said, "Aku hadapkan muka-ku kepada yang mēnjadikan tujuh pētala langit dan bumi."

Kata Al-Hajjaj, palingkan muka dia daripada kiblat.

Kata pula Said, : "Ka-arab mana sahaja kamu bērpaling maka di-sana-lah Allah ada."

Kata Al-Hajjaj, "Tiarapkan dia."

Maka kata Said, "Daripada-nya-lah kami jadikan kamu dan di-dalam-nya kami kēmbalikan kamu dan daripada-nya kami akan kēluarkan kamu sa-mula."

Maka kata Al-Hajjaj, "Sēmbēleh-lah dia."

Kata Said, "*Ashadu anla illa hailallah, Waashhadu anna Muhammadan abduhu warasuluh!*

Said pun di-sēmbēleh sapērti sa-ekor kambing. Kētika itu umur Said bin Jubair 49 tahun. Dan sa-lēpas kējadian itu hērlaku, Al-Hajjaj itu hidup hanya lima bēlas hari sahaja. Dia pun mati, pada tahun lima puloh sēmbilan hijrah.

*Wallahu Taala a'lam.*

T A M M A T.



## KENYATAAN SALAH BETUL-NYA

---

Di-dalam chitakan yang pertama ini telah berlaku beberapa kekhilapan dan kesalahan, oleh itu harap maaf dari para pembacha yang budiman dan Insha Allah dalam chitakan yang kedua akan di-perbaiki lagi susunan-nya, dengan lebeh rapi dan terator. Di-sini sempat di-perbetulkan apa yang terdapat saperti berikut.

MUKA	BARISAN DARI ATAS		BETUL
1	2	pendahuluan	panduan
2	9	keadaan	kedudukan-nya
2	10	perdagangan <sup>2</sup>	pedagang <sup>2</sup>
2	23	terpingaroh	terpengaroh
3	11	kota	ka-kota
6	27	sa-kejap	sa-kejap itu
8	29	tunggu	kemudian tunggu
9	16	tidak-lah	tidak-kah
13	14	hajat	berhajat
17	28	sedarkan	sedar
18	16	humbankan	hamba lontar
20	13	jika	jika hamba
20	32	perhatikan	memperhatikan
22	27	————	timbol
28	23	————	itu
58	10	sersiot	tersebut
70	17	menyampak	menchampak
74	7	jauhkan	berjaoh